

**Jilid I
Bil. 5**



MALAYSIA

**Hari Isnin
1hb Mach, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA
PERATORAN MESHUARAT (Usul²) [Ruangan 307]**

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 307]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan [Ruangan 308]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 1hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN. S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N., (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P., (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).

Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

Yang Berhormat DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

- Yang Berhormat** TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHAMMAD SAID BIN KERUAK (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

- Yang Berhormat** TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN ALIAS R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS GABRIEL SELVARAJ (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).

Yang Berhormat TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH ALIAS HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN
YANG DI-BEBASKAN DARIPADA
PERATORAN MESHUARAT**

(Usul²)

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya menhadangkan ia-itu:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan Ra'ayat hari ini hendaklah di-teruskan hingga pukul 8.00 malam.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan Ra'ayat hari ini hendaklah di-teruskan hingga pukul 8.00 malam.

**RANG UNDANG² DI-BAWA
KA-DALAM MESHUARAT**

**RANG UNDANG² (PINDAAN) (No. 2)
PERLEMBAGAAN**

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat oleh Dewan ini pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, mengenai Peratoran Meshuarat 14 (2) apabila tamat pertimbangan atas Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan, Dewan ini hendaklah serta-merta terus menimbangkan pula Rang Undang² (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan melalui semua peringkat.

Tun Tan Siew Sin: Saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat oleh Dewan ini pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, mengenai Peratoran Meshuarat 14 (2) apabila tamat pertimbangan atas Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan, Dewan ini hendaklah serta-merta terus menimbangkan pula Rang Undang² (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan melalui semua peringkat.

RANG UNDANG²

**RANG UNDANG² (PINDAAN)
PERLEMBAGAAN**

Bachaaan Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (25hb Februari, 1971.)

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan sa-bagai menyokong atas Pindaan Perlembagaan yang di-bentangkan dalam sidang ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga rakan² dalam Kabinet serta rakan² yang lain telah pun jelas menerangkan tujuan dan maksud usul tersebut yang timbul dari hasil fikiran dan rundingan yang waras dalam suasana tenang dan penoh tanggung-jawab. Kita semua faham bahawa perkara yang kita bahathkan sejak beberapa hari yang lalu adalah satu perkara yang boleh melibatkan tegak atau runtuh-nya asas negara kita. Perkara seperti ini tidak harus di-rengan dan di-abaikan, atau di-anggap sa-bagai satu experiment untuk permainan politik bagi kepentingan diri sendiri, atau pun satu kumpulan.

Peristiwa Mei 13 telah terang menunjukkan kepada kita bahawa Perlembagaan kita sekarang ini mengandongi sedikit sa-banyak kelonggaran yang mesti di-ketatkan dan dijaga dengan sa-kuat²-nya oleh Kerajaan. Saya tidak berniat hendak berchakap dengan panjang lebar atas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi hujjah² dan putar-belit yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis, sayang dia tidak ada di-sini tengah hari ini, tidak harus di-biarkan begitu sahaja kerana kata²-nya yang tidak benar itu tentu-lah akan menimbulkan kekeliruan perasaan ra'ayat terutama sa-kali bumiputera di-Malaysia Timor di-sana.

Saya berasa hairan dan sa-benar-nya jijik mendengar sa-orang Wakil Ra'ayat, bukan-lah kerana ia Ahli Pembangkang daripada S.N.A.P. mengeluarkan kata² palsu dengan alasan London Agreement, dengan alasan I.G.C., bahawa Pindaan Perlembagaan ini konon-nya mengikut perkataan beliau itu sendiri: "the net result of which has been to take away the special position enjoyed by the natives in the Borneo States".

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penjelasan itu telah pun di-beri oleh Yang Berhormat Peguam Negara, tetapi Pindaan yang berkaitan ini telah timbul atas permohonan Kerajaan Negeri Sarawak sa-telah saya sendiri sa-bagai Ketua Menteri Sarawak berunding dengan teman² saya dalam Kerajaan Champoran Negeri Sarawak dan juga sa-telah saya bertukar buah fikiran dengan Ketua Parti S.N.A.P. sendiri di-dalam mesuarat yang terakhir National Consultative Council.

Jadi tuduhan beliau konon-nya pindaan tersebut akan merugikan anak² bumiputera di-Malaysia Timor itu jelas di-buat dengan tujuan untuk memutar-belit, untuk mengeliru anak² bumiputera supaya mereka itu menudoh Kerajaan Pusat tidak adil kepada bumiputera di-Malaysia Timor. Saya ingin mengetahui siapa-kah Ahli Yang Berhormat ini mewakili? Ra'ayat Malaysia di-Sarawak-kah, atau pun tuan-nya Kerajaan British dahulu-kah? Umpama ucapan-nya berbunyi seperti satu gramophone His Master's Voice yang menyuarakan rekaan tuan-nya.

Jika perubahan kepada Perlembagaan perlu di-buat bagi kebaikan ra'ayat mesti-kah perubahan ini tidak di-buatkan oleh kerana sa-mata² ada I.G.C. atau pun London Agreement. Yang di-buat itu oleh wakil² di-Sarawak dahulu tetapi banyak wakil², kunchu² Kerajaan British. Tidak-kah Parlimen berhak membuat apa juga perubahan mengikut Perlembagaan? Jika di-fikirkan patut dan berfaedah kepada ra'ayat, terutama sa-kali ra'ayat bumiputera, Iban, Kayan, Kenyah, Melayu, Kadazan dan seterusnya yang sangat mundur di-Malaysia Timor itu, hanya sa-orang boneka Kerajaan British sahaja yang mengutamakan London Agreement seperti sa-buah bible yang mengutamakan I.G.C. seperti sa-buah Qur'an daripada hasrat ra'ayat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang benarkanlah saya mengkaji perubahan Perlembagaan yang di-bentang dalam Dewan ini untuk menghapuskan sa-barang kekeliruan akibat hujah² palsu, putar-belit yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu.

Saya menyentuh Article 153 Perlembagaan. Jika jurang perbezaan terutama sa-kali di-dalam lapangan ekonomi dan pelajaran di-antara orang² Melayu dan orang² bukan Melayu di-Malaysia Barat ini tidak memuaskan anak² bumiputera di-Malaysia Barat ini, apa lagi perbezaan di-antara ra'ayat bumi-

putera di-Malaysia Timor dengan mereka yang bukan bumiputera. Kerana jurang perbezaan di-sana di-antara ra'ayat bumiputera di-Malaysia Timor dengan mereka yang bukan bumiputera sangat² jauh, sangat² lebar, lebeh jauh, lebeh lebar daripada apa yang berlaku di-Malaysia Barat.

Sungguh pun hutan maseh luas di-negeri Sarawak, tanah banyak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, kita tidak boleh menganggap bahawa pencharian hidup orang² bumiputera sa-harus-nya tertumpu kepada lapangan pertanian sahaja. Sa-balek-nya objective kita hendak-lah bertujuan untuk menyelaraskan keadaan ini bukan untuk merampas hak mereka bukan bumiputera—tidak sama sekali, supaya orang² bumiputera juga dapat mengambil bahagian yang sama dalam perniagaan, dalam perusahaan, dalam perindustrian, dalam pelajaran tinggi dengan sa-chara yang adil yang di-ketahui oleh orang² bumiputera sendiri.

Pindaan yang di-chadangkan bagi Perkara 153 di-dalam Fasal 6 (a) ada-lah untuk menyenangkan Undang² supaya apa jua keistimewaan yang di-beri kepada orang² Melayu dapat juga di-beri kepada orang² bumiputera di-negeri² Borneo, malahan keistimewaan di-seluruh Malaysia. Kami ra'ayat bumiputera daripada Malaysia Timor bersetuju masok Malaysia, kerana kami berharap dengan Malaysia itu kami dapat di-layani lebeh baik lagi daripada masa kami di-jajah British dahulu, tetapi dengan tidak di-ketahui kami, wakil² kami yang menandatangani London Agreement seperti Ahli dari Miri-Subis terkandung di-dalam Article 161A telah mengecualikan bumiputera Sarawak, telah menyebabkan taraf bumiputera Sarawak lebeh rendah daripada taraf bumiputera di-Malaysia Barat ini. Bukan salah Kerajaan Pusat, salah tidak salah boneka British seperti Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis (*Tepok*).

Sa-terus-nya, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi gambaran yang jelas dan untuk mendedahkan lagi kepalsuan tuduhan-nya itu, benarkanlah saya mengulas pindaan 161A perenggan (1), (2) dan (3) sa-kali. Tuan Yang di-Pertua, perkara atau pun Article 161A (1) berbunyi demikian:

Subject to Clause (2), the provisions of Clauses (2) to (5) of Article 153, so far as they relate to the reservation of positions in the public service, shall apply in relation to natives of any of the Borneo States as they apply in relation to Malays.

Chukup baik. Tetapi sa-hingga hari ini tidak ada bukti-nya, Tuan Yang di-Pertua, ke-untungan perkara ini bagi orang² bumiputera di-negeri Sarawak terutama sakali. Kerana ada-nya perkara ini berasingan daripada Fasal 153 dalam Perlembagaan, maka timbul-nya keadaan yang tidak sa-imbang di-kalangan perkhidmatan awam di-negeri Sarawak. Bilangan orang² bumiputera di-dalam perkhidmatan awam jika di-bandingkan dengan orang² bukan bumiputera di-Sarawak sangat menyedehkan. Jika Ahli² Yang Berhormat Pembangkang daripada pihak SNAP mahu membacha, saya sanggop memberi salinan-nya kepada semua kamu sakalian, terutama sakali Ahli² Yang Berhormat dari SNAP daripada keturunan bumiputera sendiri. Di-antara Pegawai² Bahagian I ada hanya 103 orang atau 21.5% sahaja orang bumiputera berbanding dengan 371 orang bukan bumiputera. Bagi Pegawai² Bahagian II pula, 308 orang—34.6% orang bumiputera berbanding dengan 580 orang bukan bumiputera. Dan bagi Pegawai² Bahagian III, 1,690 orang—40.2% orang bumiputera berbanding dengan 2,507 orang bukan bumiputera hanya di-perengkat yang rendah sa-kali ia-itu bagi Pegawai² Bahagian IV—Office boy, Amah, tukang sapu sana sini baharu di-dapati bilangan orang² bumiputera terlebih sedikit daripada orang² bukan bumiputera. Di-antara guru² yang mengajar di-sekolah² pula; 3,616 orang terdiri dari orang bukan bumiputera dan hanya 2,465 orang—40% sahaja guru² dari bumiputera; semakin sa-hari jurang ini semakin besar, semakin luas. Ini-kah yang di-katakan keistimewaan yang di-jamin oleh London Agreement oleh I.G.C. yang di-pertahankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu? Perkara 161A (2) berbunyi:

"In a Borneo State Article 153 shall have effect with the substitution of references to natives of the State for the references to Malays, but as regards scholarships, exhibitions and other educational or training privileges and facilities Clause (2) of that Article shall not require the reservation of a fixed proportion for natives."

Why, may I ask? Apa sebab bumiputera di-Sarawak tidak boleh mendapat scholarships lebih, tidak boleh mendapat tempat yang istimewa di-sekolah² tinggi yang di-beri kepada bumiputera di-Malaysia Barat. Salah Kerajaan Pusat, tidak. Bukan salah Kerajaan Pusat. Salah pemimpin² dahulu

termasuk Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis, boneka British. Kita akan dapati bahawa sa-kira-nya Ahli² Yang Berhormat mengkaji perkara 161A (2) ini tidak memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menentukan perezapan sa-suatu kadar dan tempat khas dalam peluang pelajaran atau latihan bagi orang² Melayu dan bumiputera mana² Negeri² Borneo, bagaimana kita hendak membanyakkan mereka di-dalam pekerjaan yang tinggi sedangkan kita tidak boleh memberi layanan yang lebih sedikit pun kepada mereka itu, di-aku² dengan sa-chara mulut bumiputera mundur, bumiputera tidak mampu, mereka perlu di-bantu, tetapi mereka ini menyekat dengan sa-chara Perlembagaan, London Agreement, I.G.C. supaya Kerajaan Pusat jangan memberi bantuan yang lebih kepada bumiputera di-sana. Apabila bumiputera sana tidak dapat maju seperti dalam ucapan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan Pusat yang di-salahkan. Bukan mereka yang memerintah dahulu, ketika dia menjadi Timbalan Ketua Menteri, ketika parti-nya yang mengetuai Kerajaan dahulu, sudah Kerajaan Pusat yang di-salahkan. Ini rachun yang telah di-hemburkan oleh mereka itu kepada anak² Sarawak, tetapi anak Sarawak sudah sedar, mereka sudah bangun, tidak dapat lagi di-tipu, di-putar-belit seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, akibat ada-nya Perkara 161A (2) ini-lah, maka kita dapati bilangan orang² bumiputera yang di-hantar untuk melanjutkan pelajaran dengan biasiswa dari tahun 1961 hingga 1970 sangat mengharukan. Di-antara 486 orang yang di-hantar untuk kursus yang mendapat ijazah chuma 122 orang—25.9% sahaja terdiri dari anak² bumiputera, sementara 364 terdiri dari orang bukan bumiputera. Di-antara 335 orang yang di-hantar untuk kursus Diploma pula, chuma 84 orang—25% sahaja terdiri dari anak bumiputera sementara 251 orang terdiri dari anak² bukan bumiputera.

Ini-kah perlindungan untuk orang² bumiputera di-Malaysia Timor yang di-aku² oleh Perkara 161A perenggan (2) atau London Agreement atau Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis tersebut? Sa-balek-nya perubahan kepada Perlembagaan yang telah di-bentangkan khas-nya tambahan kepada Perkara 153 Clause (8) (e) akan menentukan layanan yang terlebih baik bagi anak² bumiputera di-Malaysia Timor. Atas permintaan Kerajaan champoran Negeri Sarawak sekarang ini bukan atas permintaan daripada Ahli Yang Berhormat parti Pembangkang SNAP, tidak.

Bagi Perkara 161A perenggan (3) pula kita semua erti bahawa mengikut Perkara 153, keistimewaan patut di-beri seperti yang terchatet di-dalam-nya. Memang setakat mengaku sahaja hak istimewa tidak cukup, setakat hanya di-tulis dalam Perlembagaan tidak mencukupi. "Ikan gantong, kucing minggong", kalau tidak di-ikuti dengan amalan sa-kali. Jika kita sa-benar-nya mahu menolong anak² bumiputra di-mana² negeri sahaja baik di-sini, atau di-Malaysia Timor menekmati hak² yang kita dapati dari kemerdekaan kita dan suka melihat tindakan yang tegas di-ambil untuk mencapai objective ini mengapa-kah kita perlukan Perkara 161A perenggan (3) yang memerlukan bahawa sebarang chadangan di-bawah Perkara 153 di-rundingkan terlebih dahulu dengan Ketua Menteri bagi Negeri² Borneo. Bagi saya, ini tidak perlu, kerana saya yakin Kerajaan Pusat yang di-pimpin oleh Ketua² kita sekarang bersifat jujur kepada bumiputra dan ra'ayat lain di-mana sahaja mereka berada. Tidak-kah ini menjadi satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tapisan atau halangan yang tidak perlu sa-lain dari menghalang kelichinan perlaksanaan sharat² hak istimewa? Boleh jadi ada tujuan yang tidak ikhlas tersemat dalam hati Ahli Yang Berhormat dari Miri Subis tadi supaya dengan ada-nya Perkara 161A perenggan (3) kalau² ia berpeluang menjadi Ketua Menteri pada satu hari nanti, demi Allah, jangan-lah hendak-nya akan dapat menghalang pemberian hak² istimewa ini kepada orang² bumiputra bagi Malaysia Timor. Di-sini nampak-nya dengan tidak sengaja dia telah mendedahkan impian-nya yang sa-benar.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa 13 Mei telah terchetus kerana shak-wasangka dan perasaan bimbang di-kalangan kaum² khas-nya berkaitan dengan hak² istimewa, Bahasa Kebangsaan dan kedudukan Raja². Sa-lagi jurang perbezaan di-antara kaum tidak dapat di-salaraskan terutama-nya di-lapangan ekonomi dan pelajaran, maka boleh-kah kita benar² menjamin bahawa keharmonian pasti terchapai bagi anak chuchu chichit dan keturunan kita di-belakang hari kelak?

Keadaan yang meujudkan orang² kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin, sudah sa-mesti-nya akan membawa kapada akibat yang burok di-mana² juga. Ini menjadi bertambah kuat, bertambah kusut apabila kebanyakan daripada yang

kaya terdiri dari satu kaum, bukan salah mereka, tidak. Dan yang miskin terdiri dari orang² bumiputra.

Di-Sarawak sahaja di-mana kekayaan di-perolehi dari perusahaan kayu kayan, kayu balak ada-lah nyata kapada siapa dan gulungan mana terletak-nya kekayaan daripada 160 lesen kayu balak di-keluarkan di-Sarawak, 144 lesen yang meliputi hampir 3.5 juta ekar di-pegang oleh orang² bukan bumiputra. Taukeh² yang lain seperti yang ada di-sini sa-orang dua, ya mereka tentu mahu, tidak salah, siapa yang tidak mahu. Lebih kurang 1,051,000 ekar di-pegang oleh sa-buah sharikat yang bernama Limbang Trading Company di-punyaï oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis.

Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Limbang 740,000 ekar tanah orang di-sana itu di-pegang oleh Limbang Trading Company. Enam belas lesen meliputi 860,000 ekar, 1.9 di-pegang oleh bumiputera Sarawak. Ini pun kebanyakannya sa-chara Ali Baba. Seperti Niah Trading Company baharu² ini, 20% share-nya di-berinya kapada Pengerusi Parti SNAP Yang lain, satu wakil, satu ahli dapat satu suku share untuk bumiputera, satu suku share bagi satu ahli, berapa dividend satu tahun, 5 sen-kah, 10 sen-kah. Ini yang di-katakan joint venture. Ada-kah di-antara Ahli² Yang Berhormat di-sini sa-telah di-lantek oleh ra'ayat dengan penoh harapan untuk membela nasib ra'ayat mereka dari Baram, mereka dari Limbang-Lawas, mereka dari Kapit, mereka dari Serian, mereka dari Saratok, mereka dari Lubok-Antu, mereka dari Batang-Lupas semua-nya ahli keturunan bumiputera. Adakah mereka sanggup menyokong pindaan Perlembagaan yang akan menyamakan taraf bumiputera di-Malaysia Timor dengan taraf Melayu di-Malaysia Barat, saya chabar mereka pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa saya menjadi Menteri Tanah dan Galian dahulu, saya telah berusaha untuk membantu pembalak² Melayu. Muia²-nya kayu balak tidak boleh di-ekspotkan daripada Malaysia Barat. Apabila saya kaji daripada 400 lebih lesen sawmill² di-Malaysia Barat ini, saya dapati 90% sawmill itu di-punyaï oleh bukan bumiputra, bukan salah bumiputera, salah orang yang memberi. Apa sebab orang Melayu, pembalak² bumiputera yang dapat 10,000 ekar terpaksa menjual hutan mereka

kapada taukeh bukan bumiputera, kerana di-jual kapada sawmill; hari ini sawmill bayar cash, \$10,000. Minggu yang hadapan bayar sa-tengah, bulan yang akan datang tanggoh lagi satu bulan, tinggal mereka ini tidak dapat bayar gaji pembalak² yang bekerja di-hutan. Dengan persetujuan pemimpin, saya maksudkan pemimpin kita, saya benar-kan dengan sa-chara ad hoc, mereka ini ekseptkan kayu balak. Dengan chara demikian pemegang² lesen sawmill Singapura/Malaysia telah datang berkumpul menghantar kapada saya termasuk sa-orang bekas teman di-dalam Parlimen ini sendiri. Konon-nya dia berkata jika ini di-beri kapada orang Melayu semua sawmill ini nanti akan ditutup. Saya chabar mereka, kalau mereka betul² jujur kapada bumiputera yang berniaga, beli semua kayu balak dalam hutan Pahang, Kelantan dan Trengganu, beri harga yang berpatutan. Mereka tidak sanggup menerima chabaran. Saya langsungkan pemberian quota sistem. Sekarang Mados Enterprise berjalan, Malatab berjalan. Beberapa orang anak bumiputera Melayu dapat nafas sedikit di-dalam perusahaan. Kesimpulan daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, jika kita mahu bumiputera maju dalam perniagaan, tidak perlu kita merampas hak bukan bumiputera. Kerajaan mesti mengambil sikap yang tegas dan berani. Ini kami buat untuk membantu bumiputera. Bukan untuk mengambil hak kamu sakalian. Tanpa bersikap demikian, bumiputera tidak berpeluang untuk maju di-dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya suka chabar sa-bagaimana saya kata tadi, wakil² Pembangkang daripada SNAP. Untuk menyokong atau pun menentang pindaan kapada Perlembagaan yang akan memberi hak istimewa yang lebih, bukan akan menghapuskan kapada bumiputera Sarawak. Boleh jadi juga ada sa-bilangan kecil Ahli Yang Berhormat yang sanggup menganggap perkara ini sa-bagai permainan politik. Boleh jadi juga ahli² ini, bagi ahli² ini perkara yang di-bentangkan tadi begitu serious, tidak begitu serious kerana dengan kekayaan mereka, mereka dengan mudah sahaja boleh menchari tempat yang lain pula sa-kira-nya Malaysia hanchor dengan perselisihan perkauman. Bagi diri saya sendiri dan kaum ra'ayat bumiputera dan mereka bukan bumiputera yang penoh ta'at setia, seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada Malaysia ini, bagi kami tidak ada lain hidup mati kami

di-dalam Malaysia. Oleh yang demikian, saya sa-kali lagi sa-belum menamatkan ucapan ini mengambil peluang menyeru kapada sidang Dewan ini sama ada dari pihak Kerajaan, atau dari pihak Pembangkang, mengeneipkan sentimen politik dan memberikan pertimbangan dan sokongan yang penoh kapada usul Akta (Pindaan) Perlembagaan tadi. Kami tidak minta kasehan, kami tidak minta sadakah, kami hanya minta keadilan daripada rakan² saudara.

Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis telah menyentuh masalah Bahasa Kebangsaan di-negeri Sarawak dan juga sekolah². Ya, memang, jika di-pandang daripada perkembangan tujuh tahun yang lampau, Sarawak tidak dapat melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi di-Sarawak mula tahun 1971 kerana mereka telah tidak berusaha sama sa-kali untuk menggalakkan ra'ayat Sarawak belajar Bahasa Kebangsaan. Saya dapati dalam fail², surat² yang senang² daripada Kuala Lumpur mesti di-terjemah dahulu baharu sa-orang Ketua Menteri mahu membachanya dalam bahasa Inggeris. Bagini, sedangkan kedua² Ketua Menteri yang dahulu faseh membacha, bertutor dalam Bahasa Kebangsaan, hanya daripada permulaan Kerajaan Champoran di-Sarawak sekarang ada sekolah aliran kebangsaan, yang menggunakan bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar utama mula daripada tahun 1971 ini. Sa-belum itu tidak ada sa-buah pun.

Ini langkah yang telah di-ambil oleh Kerajaan Champoran dengan persetujuan penoh oleh rakan saya, Menteri di-sini, Menteri Kerajaan Tempatan, ma'af saya sebutkan nama-nya, Yang Berhormat Tuan Stephen Yong Kuet Tze dan Ahli² dalam SUPP, Ahli² dalam PESAKA, bukan dengan paksaan Kerajaan Pusat, tetapi kami sendiri telah sedar, jika Sarawak mahu maju seperti Malaysia Barat, seperti Sabah—Sarawak mesti bergerak sekarang di-dalam ranchangan Bahasa Kebangsaan dan ini yang kami ranchangkan. Dukachita sedikit, saya minta lima buah Sekolah Menengah Kebangsaan, saya chuma di-beri oleh Kementerian Pelajaran tiga buah sahaja. Saya harap Kementerian Pelajaran akan memberikan perhatian yang lebih berat lagi kapada masalah pelajaran, mengikut aliran kebangsaan di-Sarawak ini.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat Sarawak, Pegawai Kerajaan Sarawak sedia belajar bahasa Malaysia. Sa-masa saya berada di-hospital di-negeri Sarawak, nurse yang merawat saya berkata: "Dato' kenapa kami tidak ada guru bahasa Malaysia? Kenapa kami terpaksa pergi belajar malam, Dato'. Kalau belajar malam, di-Adult Education Classes, kami kerja malam tidak dapat belajar, kami rugi. Tolong beri guru bahasa Malaysia kepada kami." Sedia mereka untuk belajar. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, Menteri² Kerajaan Negeri Sarawak sekarang menggalakkan semua Pegawai² Kerajaan untuk belajar bahasa Malaysia. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak marah jikalau di-dalam meshuarat orang menggunakan bahasa Inggeris, tidak menggunakan bahasa Malaysia di-dalam meshuarat; ini dia di-hadapan muka dia sendiri. (*Tepok*). Ini yang telah di-jalankan di-Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak² terima kaseh atas peluang yang telah di-beri kepada saya untuk mengulas kata² yang telah di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis tadi.

Akhir-nya Kerajaan mesti tegas. Dengan ada-nya pindaan ini betul² untuk memberikan pertolongan sa-penoh²-nya, jangan berselembong, jangan takut, jangan bertolak—ansor, bantu anak bumiputera supaya mereka dapat taraf yang sama dengan mereka yang bukan bumiputera. (*Tepok*). Terima kaseh.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang di-hadapan kita pada hari ini. Pada mula-nya saya memang tertanya² atas pendirian beberapa parti Pembangkang di-dalam Parlimen ini di-dalam perbahathan atas Rang Undang² ini. Dan di-dalam kajian saya, saya nampak dengan terang bahawa di-kalangan parti² Pembangkang, ada tiga kumpulan. Yang Pertama, ia-lah kumpulan parti² Pembangkang yang tidak hendak menerima kenyataan di-dalam negara kita pada masa ini dan yang tetap menentang Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang di-hadapi oleh kita.

Pihak yang kedua ia-lah pihak parti² Pembangkang yang sadar dan menerima atas kenyataan keadaan di-dalam negara kita

pada masa ini dan tidak berdolak-dalek lagi pula mereka menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan kita. Tetapi pihak yang ketiga ia-lah pihak parti² Pembangkang yang pada faham saya nampak-nya tidak begitu mengerti atas kedudukan negara kita pada masa ini dan di-dalam ucapan² mereka terutama sa-kali wakil² ra'ayat, Ahli² Yang Berhormat daripada Sarawak, mereka nampak-nya maseh belum faham dan maseh belum dapat gambaran yang terang lagi untuk menyokong, atau tidak menyokong atas Rang Undang² ini. Saya berharap bahawa sa-lepas kita mendengar ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Payang tadi, maka dapat-lah pihak parti Pembangkang, terutama sa-kali daripada Sarawak, sedar akan kedudukan yang sa-benar-nya dan menyokong kami. Bukan kerana Rang Undang² ini menyebelahi sa-siapa, malahan Rang Undang² ini ia-lah untuk tiap² sa-orang warganegara di-dalam negara kita ini, bukan sahaja untuk orang² Melayu, bukan sahaja untuk orang² bumiputera, bukan sahaja untuk penduduk² di-kawasan Malaysia Barat, malahan Rang Undang² ini ia-lah untuk tiap² sa-orang warganegara kita termasuk sahabat² kita daripada Malaysia Timor. Malang-nya ketua mereka tidak ada dan kita berharap apabila mereka membuat laporan, tolong-lah beri penerangan kepada ketua mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam empat lima hari kita membincangkan Rang Undang² ini saya mendapat satu kesimpulan. Kesimpulan-nya ia-lah bahawa kalau di-kaji daripada tutoran tiap² Ahli Yang Berhormat yang telah bangun berchakap, tiap² sa-orang daripada kita mahukan keharmonian negara, tiap² sa-orang daripada kita mahukan negara kita ini aman damai supaya tiap² sa-orang ra'ayat dapat mencapai kebahagiaan hidup.

Pendirian² ini dan pertuturan² yang telah di-buat dalam Dewan ini sangat-lah menggalakkan. Tetapi apabila kita kaji dengan lebih dalam lagi, saya berasa gerun. Saya sa-bagai sa-orang ahli politik yang telah juga berhadapan dengan parti² Pembangkang sa-belum pilihan raya tahun 1969, berasa gerun, gerun kerana lagu² yang di-mainkan oleh pihak parti² Pembangkang, terutama sa-kali wakil² daripada parti DAP dan juga wakil² daripada P.P.P. ia-lah sama juga dengan lagu² lama.

Kalau kita kaji Ahli² Yang Berhormat itu nampak-nya mereka muka-nya baharu, orang baharu, tetapi lagu²-nya lama. Apabila saya

mendengar ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bungsar bunyi-nya bergema sa-olah² masa dahulu apabila Malaysia telah tertuboh dan ada satu negeri yang masuk di-dalam Malaysia apabila wakil dan ketua negeri itu telah berucap. Sama bunyi-nya, sama gema-nya di-dalam Dewan Ra'ayat kita pada masa ini. Ini yang saya katakan gerun. Kerana ini-lah yang menyebabkan shak-wasangka di-kalangan ra'ayat dan kerana ini-lah yang menyebabkan ra'ayat jelata di-dalam negara kita ini berasa takut di-antara satu sama lain. Jadi, kalau muka²-nya baharu, mereka² yang sangat tekun dudok di-dalam Dewan Ra'ayat pada masa ini, jangan-lah lagu lama, kalau rekod-nya burok, buanglah dan tukarkan-lah dengan rekod baharu. Apa yang saya maksudkan rekod baharu, Tuan Yang di-Pertua? Saya suka mengambil kesempatan pada hari ini untuk menganalisis keadaan suasana politik di-dalam negara kita pada masa ini dan juga pada masa² yang telah lalu.

Kita tahu dan kita harus menerima kenyataan bahawa di-dalam negara kita ini semenjak kita mencapai kemerdekaan, kita telah betul² menganuti dasar chara berkerajaan "Parliamentary democracy". Ya, saya menerima kenyataan juga bahawa sa-kira-nya saya menghadapi sa-siapa juga cherdek pandai, ini betul² bukan-nya demokrasi sa-penoh²-nya. Ini ia-lah demokrasi dengan kekurangan²-nya. Tetapi sa-kira-nya kita bandingkan chara demokrasi di-dalam negara kita ini tidak dapat tidak kita sedar dan menerima bahawa chara kita pada masa dahulu ia-lah demokrasi yang sa-dekat²-nya sa-kira-nya kita bandingkan dengan keadaan demokrasi di-dalam negara² yang baharu sahaja mencapai kemerdekaan. Apa-kah erti kata demokrasi? Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dengan cherdek, pandai, mengatakan, "Government by majority will" kalau ta' salah saya ia-itu "Kerajaan dengan kehendak majority". Tetapi saya fikir istilah ini terlampau "over simplified". Betul, saya bersetuju dengan dia. Tetapi maksud tiap² parti politik di-dalam gelanggang demokrasi berma'ana bahawa tiap² satu parti politik chuba sa-daya upaya memujuk dan menarek ra'ayat jelata supaya menyokong masing². Jadi kita bertanding, kita chuba di-dalam gelanggang politik, bertanding, bangun, beritahu ra'ayat, "Kami-lah parti politik yang betul² sanggup dan ada kebolehan memerintah". Ada yang menang ada yang kalah. Tetapi sepanjang sejarah negara kita

ini kita nampak bahawa Parti Perikatan telah menang tiap² kali pilehan raya untuk memegang teraju Kerajaan Pusat Negara kita ini. Di-dalam masa kita bertanding di-gelanggang politik, ada dua chara-nya. Chara pertama ia-lah dengan chara memperkatakan bahawa parti mereka-lah yang ada idiologi. Idiologi apa mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua? "Kami Sosialis, terima-lah kami". Ada pula mengatakan, "Kami Demokratik Sosialis, pilih-lah kami", ada pula mengatakan, "Kami Liberal Sosialis", mithal-nya. Huruf demokrasi, huruf Sosialisma di-gunakan dengan luas-nya di-dalam masa di-adakan pilehan raya di-dalam masa kita bertanding di-antara satu sama lain.

Malang-nya ra'ayat di-dalam sa-suatu negara yang baharu membangun, tidak indah malahan mereka tidak faham akan apa-kah erti kata izem² (ism) ini. Yang mustahak kapada ra'ayat jelata ia-lah "perutisem". Perut—bagaimana chara mengisi perut dan parti politik mana-kah yang betul² nampak boleh mengisi perut ra'ayat. Jadi, di-dalam memperkatakan idiologi, dari segi cherdek pandai, dari segi masharakat antara bangsa, dari segi wartawan², dari segi orang² di-dalam bandar, Demokratik Sosialisem mithal-nya sangat-lah chantek, indah betul nama-nya. "Demokrasi dan Sosialisem". Apa ma'ana-nya terpulung kapada mereka yang menganuti faham ini. Tetapi, saya suka mengingatkan bahawa sejarah di-dalam negara² yang baharu membangun terutama sa-kali telah menunjukkan bahawa mereka² yang melaungkan² demokrasi dan sosialisem-lah, apabila mereka dapat memegang teraju Kerajaan lupa terus akan perinsip² yang dianuti oleh mereka sendiri. Habis! habis di-buang-nya entah ka-mana, ka-parit mana, ta' di-kirakan demokrasi, ta' di-kirakan sosialisem. Ra'ayat juga yang terok, ra'ayat juga yang merana.

Tetapi Alham dullillah, di-dalam negara kita ini ra'ayat nampak-nya belum lagi tertarek dan tidak akan tertarek akan selogan² yang di-pergunakan oleh Parti² Pembangkang. Jadi, ta' ada modal hendak gunakan idiologi di-kampong². Orang² kampong tidak begitu faham. Apa-kah kemungkinan lagi satu? Kemungkinan lagi satu ia-lah dan menggunakan hujjah² yang menunjukkan bagaimana Kerajaan yang ada sekarang tidak ada kebolehan untuk membena negara.

Perengkat pertama kita membena negara, Kerajaan Perikatan tidak boleh di-nafikan

telah mencapai kejayaan. Di-perengkat mana? Di-perengkat membangunkan satu infra-structure atau pun satu rangka untuk pendirian ekonomi negara kita ini. Infra-structure yang di-maksudkan ia-lah jalan² di-kampung, klinik² di-kampung, sekolah² di-kampung dan sa-bagai-nya. Parti² politik Pembangkang tidak ada modal juga apabila mereka ka-kampung mengatakan Kerajaan tidak membuat itu dan tidak membuat ini. Buntu lagi sa-kali! Apa boleh buat? Kapada mereka² terutama sa-kali Parti² Pembangkang yang tidak bertanggung-jawab, sa-telah mereka menghadapi kebuntuan ini, mereka telah beraleh berpandang ka-tempat lain, mencari modal mana yang hendak di-gunakan. Ada satu modal di-dalam negara kita ini—ada satu modal di-dalam negara² lain yang telah mencapai kemerdekaan. Modal apa? Modal menggunakan imosi perasaan perkauman.

Kita telah lihat di-negara² lain bagaimana ini telah terjadi. Bagaimana chara-nya? Kalau hendak gunakan izem tidak di-faham, kalau hendak menentang Kerajaan dengan pembenaan tidak di-terima. Senang sahaja dapat fahaman, pergi ka-bandar² di-mana ada orang² China dan katakan: "Hai! jaga-lah kamu, Kerajaan ini menindas kamu sakalian; semua mereka dapat, semua Melayu sahaja dapat. Kita ta' guna duduk dalam negeri kita ini, semua dia dapat sahaja". Orang² yang biasa di-bandar² menganggok² bersetuju. Tiap² kali apabila kita adakan pilehan raya, apabila di-adakan rapat umum, ini-lah hujjah yang sa-habis kuat yang di-gunakan oleh Parti² Pembangkang hingga orang² China, ra'ayat daripada keturunan China nampak-nya terpedaya oleh mereka. Sa-telah mereka ditakutkan tentu-lah mereka lari kapada yang berchakap. Mereka pandang kapada parti yang membuat hujjah² ini sa-bagai melindongi mereka di-atas anchaman, konon-nya, yang telah di-buat oleh orang² Melayu ka-atas orang² China.

Saya sendiri memang sangat bersimpati dengan rakan² saya terutama sa-kali dari parti DAP dan juga daripada parti PPP. Bersimpati kerana apa? Kerana kami sedar, kami tahu modal-nya dahulu ia-lah berasas perkauman. Di-dalam beberapa tahun ini mereka telah membena satu perangkap; membena satu perangkap—perkauman, perkauman, perkauman; menakutkan ra'ayat daripada orang bukan Melayu, hinggan perangkap itu sudah besar, sudah kuat meliputi mereka sendiri. Saya bersimpati.

This Bill, as had been explained by the Honourable the Prime Minister, will determine whether Parliamentary democracy, which we all cherish, will be allowed re-entry permit to Malaysian soil. Mr Speaker, Sir, if my interpretation of certain parts of the proposed Constitution (Amendment) Bill is correct, the Parliamentary democracy we have known and accepted had certainly lost any semblance of its old self and in its place a new Parliamentary democracy will come into being. This new democracy, unless changes are effected in the proposed Constitution (Amendment) Bill, will be plagued by sensitive issues, hindered by an Act of Parliament, crippled by the past misdeeds of the emotional politicians and curbed and curtailed by the impending decision to be taken in this Chamber. In the words of the Honourable Minister of Finance, it is to be a "half loaf democracy". How effective this new democracy will be for Malaysians in ensuring greater peace and harmony and how acceptable it will be to the Malaysian way of life remains to be seen. It will entirely be dependent on the parties in power and this is where we have our doubt. We will have to wait and see how the Government will effectively implement the various provisions of the Bill once it is passed in this House. If it is to be done as in the past and the Government cannot rise up above party politics and apply a typical Alliance double standard in the implementation, then it will be a sorry thing for all Malaysians and this country. I sincerely hope that it is not going to be so, because this House will be prevented by the very provisions of Clause 3 of the proposed Bill from giving remedial treatment once the needs arise, because we must not forget that from now onwards we will have a very handicapped and ineffective Parliament on the four vital issues. In short, democracy will be denied the responsible treatment of this House on the sensitive issues problem.

Mr Speaker, Sir, we have been told that all sensitive issues had been brought up to the surface in such explosive manner during

May 13 and immediately thereafter. We were also told that the proposed Constitution (Amendment) Bill is the Alliance's intended prescription. I and my colleagues concede that the intention is worthy of praise but the approach is still questionable. I must emphasise in this Chamber, Sir, that I and my colleagues from the Sarawak National Party disagree in principle on the manner of approach. Where we oppose certain provisions of the Bill it is only out of necessity, a necessity in wanting to see that all Malaysians are given a better and fairer deal. It will also be noted, Sir, that where we disagree it is not for the sake of disagreement alone; we will attempt to suggest alternatives and amendments to the Bill in the light of Malaysian experience as we see it. We only hope that our alternatives and suggestions will be favourably considered by everyone. I have noticed in the past few days of the debate on the Bill some Honourable Members had appeared to be too emotionally carried away, in that there were blames and counter blames on May 13 thrown at each other across the floor. But one inescapable fact still remains. The Alliance has been the party in power ever since 1957, and even after Malaysia was formed in 1963 till to-day. In all those years surely the Alliance must have been aware that these sensitive issues were dormant all the while and could have had the opportunities to act in the prevention of May 13. Whatever the mistakes and whoever were to blame, the Alliance had failed and failed badly in their duty to the country and to the people. May 13 will forever remain a blot in our history. The main purpose of the Bill, we were told, was to prevent the reoccurrence of such happenings. May 13 was purely a West Malaysian experience. But it is an inescapable fact that we from East Malaysia, particularly Sarawak, were not exempted from any of its after effects and remedial measures. Therefore, the remedial measures proposed in the Bill as contained in certain provisions are very unfair to us. Very few people, if any, in Sarawak questioned the provisions relating to the four sensitive issues as enshrined in the Constitution. However, Mr Speaker, Sir, we will concede that there is a need for uniformity when East Malaysians discuss such issues in West Malaysia, especially in the House, if need be, provided it is being carried out fairly and squarely to all. But we cannot accept the fact that there is any

need at all that we should be barred from such discussions in Sarawak where the issues were never sensitive nor issues at all. (ONE HONOURABLE MEMBER: Hear, Hear!) Therefore, the less said about May 13 the better it would be for all Malaysians. The question is to find an effective and preventive cure. At the moment we are debating the merits and demerits of the Alliance's proposed cure.

Mr Speaker, Sir, our common aim is to see that all Malaysians should live in peace and harmony with one another, so that they can be happy and prosperous. It is imperative that Malaysia must survive towards this end. My colleagues and I from the Sarawak National Party believe that the solution lies in promoting true and actual multi-racialism even right down to the grass root level in order to unite the people in a diversified society such as that we have in this country. Only through such promotion and the actual practice will we find the answer conducive to peace and harmony and happiness and prosperity for all. For in a multiple and diversified society racial consideration and racial sentiment should not be allowed to rear its ugly head. As long as we have racial parties where a few odd and irresponsible leaders are tempted to be carried away by their eloquence and will certainly emphasise on racial differences in order to gain their political eminence, the Malaysian nation will forever be saddled with racial problems. I must emphasise, Mr Speaker, Sir, that racial parties should not be allowed any place in our beloved country, because no matter how good the intentions of the leaders of such parties they will be dictated by racial considerations and racial sentiments in the carrying out of their respective duties and responsibilities (AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear!) and no matter how many legislations are passed by this House and how many times we have to amend our Constitution, the problems of racialism will remain like cancerous diseases, each time more immune to remedial measures.

Mr Speaker, Sir, I wish now to proceed to look at the Bill and give suggestions where I and my colleagues feel it is found wanting. As I have stated earlier, certain provisions are very unfair to us in East Malaysia, especially in Sarawak. Clause 2 of the Bill seeks to empower this House to pass laws to restrict the freedom of speech,

which will question the provisions of the Constitution relating to citizenship, National Language, the special position and rights of the Malays and Natives, and the sovereignty of the Rulers. I feel that I must say here that I and my colleagues from the Sarawak National Party have never questioned such provisions in the Constitution. We have accepted, at all times, the provisions relating to citizenship, the National language, the special position of the Malays and the Natives and the sovereignty of the Rulers. Our only contention is that, Mr Speaker, Sir, the Government's implementation of these various constitutional provisions are either wanting or ineffective to the promotion of lasting peace and stability and happiness and prosperity of the people in the country. Furthermore, Sir, as a great number of Malaysians of Sarawak origin do not question the provisions relating to the four issues, it therefore follows that although the issues are sensitive in the light of West Malaysian experience, they are not sensitive issues in Sarawak. In fact, these issues are not issues at all in Sarawak. Therefore, it is unjustified and unfair to saddle us with the provisions of the Sedition Act, 1948, as amended by the Emergency Essential Powers Ordinance No. 45/1970, which Clause 2 of the Bill intends. We concede, though grudgingly, that there is a need to prevent free discussion on these four issues in West Malaysia, even in this very House, if the Alliance cannot offer a better alternative and if our suggestion to empower you, Sir, through the amendment of the Standing Orders, is turned down.

However, because these sensitive issues are not sensitive issues or even issues at all in Sarawak, we objected strongly to Clause 4 of the Bill as it stands. There may be a need to implement the Clause in West Malaysia, but certainly not in Sarawak. Clause 4 of the Bill has the effect in that it will not exclude the Council Negri and its Honourable Members from its provision. I must remind this House that Members of the Council Negri in Sarawak had enjoyed free speech and discussion for 103 years (AN HONOURABLE MEMBER: Hear! hear!). If this Clause 4 of the Bill is passed as it is without any amendment, the effect will be to put back the clock for Sarawak by 103 years and destroy our traditions. I, therefore, suggest

that Clause 4 be deleted and the following new Clause be put in its place:

“(4) Clause (2) shall not apply to any person other than a Member of Council Negri of Sarawak charged with an offence under the law passed by Parliament under Clause (4) of Article 10”.

Mr Speaker, Sir, my colleague from Miri-Subis (Sarawak) had made known our party views on Clause 5 of the Bill. In order that this Clause will not conflict with the provision of the London Agreement which is contained in the Constitution relating to the status of English as the official language in East Malaysia until 1973 or until our respective State Assemblies so decide thereafter, he had suggested that Clause 5 of the Bill, as it stands, needs modifications. I agree with him and would like to see this Clause 5 to read as follows:

“Article 152 of the Constitution is hereby amended by adding thereto the following new clause—

“(6) In this Article ‘official purpose’ means any purpose of the Government, whether Federal or State, other than the Borneo States, and includes any purpose of a public authority.”

While on the subject of the London Agreement, Mr Speaker, Sir, it was with regret that I heard the Honourable Member for Kuala Selangor treating the Agreement so lightly. Perhaps, the Honourable Member, and possibly a few other responsible Alliance leaders, are not aware of the implications of the London Agreement in conjunction with the very validity of the existence of Malaysia. Let me take this opportunity to remind these people in this Chamber, and perhaps others outside this House, that Malaysia was formed in 1963, and not in 1957. Before 1963, Mr Speaker, Sir, the position was that West Malaysia was Malaya. In 1963, it was agreed that an entirely new and bigger Federation called Malaysia was to be formed. Sarawak and Sabah, the two States of East Malaysia, joined this new and bigger Federation of Malaysia on the basis of the provisions of the London Agreement as reached in the Inter-Governmental Committee Report. Without the London Agreement there would have been no Malaysia: Malaysia would not have existed. Therefore, I feel that the Honourable Member for Kuala Selangor had done a great disservice in either knowingly or unwittingly having taken a very light view of the London Agreement. He is questioning the

very existence of Malaysia. What a great pity! The orang puteh might have gone away, but what about us, orang Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua: Are you reading your speech?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: No! (*Ketawa*). Mr Speaker, Sir, I notice a very great omission in Clause 6 of the Bill. The proposed Clause amending Article 153 of the Constitution only covers the Malays and the Natives of Borneo States. It has left out the Aborigines of West Malaysia, whose state of advancement is still very wanting. Article 8 (5) (c) does not enable the Parliament to make provision for special measures to assist the Aborigines, but this is only an enabling legislation and it is quite different in giving Constitutional rights as provided in Article 153. By virtue of Article 161A (5) the Natives of Borneo States are also privileged under Article 8 (5) (c).

The Honourable Prime Minister, when introducing the Bill, explained that the provision so amended in relation to the Natives of the Borneo States is to give them the same privileges and status as the Malays. Presumably the Government does not wish to deny these privileges and status to the Aborigines of West Malaysia. Therefore, Mr Speaker, Sir, I propose that Clause 6 should be amended by substituting the following for Clause 6 (a):

“(a) inserting immediately after the word ‘Malays’ wherever appearing in that Article a comma and the words ‘aborigines of West Malaysia and the Natives of any of the Borneo States’.”

This will also affect Clause 6 (b) of the Bill.

Mr Speaker, Sir, for the benefit of the Honourable Member for Muar Utara and any others who might have the same view, I and my colleagues from the Sarawak National Party had never at any moment opposed any provision of the Constitution where it provides for Native rights, particularly in Sarawak. My above discourse on Clause 6 of the Bill should give the lie to the Honourable Member's allegation made a few days ago in this Chamber that the S.N.A.P. opposes any Native rights, status and privileges. As can be seen, even the Alliance had entirely forgotten the Aborigines of West Malaysia, Mr Speaker, Sir. I should therefore, be grateful if Honourable Members of this House should refrain from making

wild allegations on any other Member or party without the benefit of having a sound knowledge of the matter.

While on my discourse on Clause 6 of the Bill, Sir, I am greatly surprised that some Honourable Members from the other side of the House did not see the implicating conflict between Clause 6 (c) and Clause 8 of the Bill. Clause 6 (c) defines the word "Natives" of Borneo States in relation to its meaning in Article 161A of the Constitution. Clause 8 deletes almost half of Article 161A up to "consulted", giving with one hand and taking away with the other; and where does it leave us from East Malaysia?

I am also surprised that some Honourable Members have taken the opportunity to disparage my colleague, the Honourable Member for Miri-Subis who had touched upon the particular provisions of the Bill with good intentions. It was the duty of the Honourable Member for Miri-Subis, as an elected Member of this House, to point out any discrepancy as he had seen it.

AN HONOURABLE MEMBER: Hear! Hear!

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Surely, the Honourable Members concerned do not impute that the Government can do no wrong, sees no wrong and perhaps even thinks no wrong.

Before I conclude, Mr Speaker, Sir, my colleague and I feel with deep regret and disappointment that the Alliance cannot come up with effective remedial measures for our national problems that resulted in May 13 in spite of the fact that they have been given 22 months of grace to find prescriptions. The Bill, as it stands, is still wanting. I sincerely hope that the Alliance Government will be big enough not to ignore our proposals and suggestions and that they will not forget that there are two sides to a Bill. We must not forget that the first part of the Bill touches upon the questions of freedom of speech, one of the fundamental human rights, which we are deciding upon now on whether to restrict it in Malaysia or not. The question is then, shall we take the plunge? I must say that I will not envy our Ambassadors in their difficulties in explaining to other countries why was it that Malaysia had always in the past been very vociferous in condemning other countries on the infringement of human rights and now that we are doing it.

Let us not be hasty in our decisions, because we may not be judged too kindly by future Malaysians and historians. The presentations given so far by the Alliance Honourable Members did not convince us that this Bill will bring about, once passed, a lasting peace and harmony for Malaysians; nor will the implementation of the various provisions of the Bill be conducive to remedy the economic imbalance in our country. However, we have been given an ultimatum that Malaysians will be denied a democratic form of Government if the Bill is not passed and that parliamentary democracy even with half measures may not be returned to this country in the foreseeable future. We love and cherish our parliamentary democracy and we love and cherish Malaysia; and we cannot afford to see that Malaysians be further denied the very principles upon which they survive.

Mr Speaker, Sir, having considered all aspects of the Bill, we feel that no sacrifice is too big and no price is too high in our desire to see the return of parliamentary democracy to Malaysia for the sake of all Malaysians. So, on behalf of the Sarawak National Party, I, as the Secretary-General of the Party and as an elected Member of this House, hereby conclude and give our Party's qualified support to this Bill (*Tepok*), not because of the speech of the Honourable Member for Payang (*Ketawa*), nor because of the speech of the Honourable Member sitting on his right, but because of our own convictions, Mr Speaker, Sir. (*Tepok*)

Menteri Muda Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Bangun.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: (*Kapada Tuan Ali bin Haji Ahmad*) Dudok dahulu—dudok sakejap! (*Kapada Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus*) Tidak boleh di-ganggu satu² Ahli tengah hendak berchakap macham itu!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya hendak minta

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh! Saya telah beri jalan kapada dia. Tunggu masa pula!

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang ada di-hadapan kita sekarang ini ada-lah satu Rang Undang² yang amat penting dan amat besar erti dan implication-nya kepada masa depan bangsa dan negara Malaysia kita yang terchinta ini. Ia di-gubal berdasarkan pengalaman² ra'ayat-nya sejak merdeka hingga-lah ka-peristiwa 13 Mei 1969 dahulu. Ia memberikan jaminan² yang lebeh tegas dan kukoh lagi kepada semua kaum yang ada di-dalam Negara kita ini. Dan dengan ini ia menjadi satu faktor, atau asas penting untuk memberikan harapan masa depan yang lebeh besar dan cherah lagi kepada tiap² kaum yang berlain² kedudukan, kekuatan dan kemajuan-nya pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada puak² Pembangkang berkata bahawa pehak Kerajaan seolah² menghadapi huraian masalah² kaum dalam negeri ini hanya dengan meminda Perlembagaan. Oleh itu mereka mengatakan bahawa Pindaan Perlembagaan ini akan gagal menghuraikan masalah kaum² di-negeri ini.

Kalau Kerajaan menghadapi masalah kaum² ini sa-mata² dengan pindaan ini sahaja, maka benar²-lah apa yang di-katakan itu. Tetapi Ahli² Yang Berhormat dari puak² Pembangkang itu sangaja melupakan usaha² Kerajaan yang lain untuk menghuraikan masalah kaum² ini. Pindaan Perlembagaan ini ada-lah satu sahaja daripada usaha² yang banyak itu yang di-jalankan oleh pehak Kerajaan.

Dalam negara yang berperlembagaan dan berdasarkan undang², maka Perlembagaan itu ada-lah sumber undang² dan kekuasaan. Segala usaha untuk menghuraikan masalah kaum hendak-lah berpuncha daripada kekuasaan yang di-berikan oleh Perlembagaan. Ini-lah sebab-nya di-kemukakan Pindaan Perlembagaan ini. Dengan kata² lain, Tuan Yang di-Pertua, di-samping Pindaan Perlembagaan ini, usaha² yang lain, tetap terus menerus akan di-jalankan untuk menghurai masalah kaum² di-negeri kita ini.

Kalau² kita berterus terang dan objective dalam pandangan kita, maka ta' dapat tidak kita akan melihat beberapa fakta, atau hakikat dalam negara kita sekarang ini. Tiada siapa pun, sama ada dari segi sejarah mahu pun dari segi undang², dapat menafikan bahawa orang² Melayu dan saudara² sa-keturunan dengan-nya dari segi ethnology

dan anthropology ia-ini lain² bumiputera itu ada-lah tuan punya yang asal negeri Malaysia ini. Mereka dengan baik dan murah hati telah bersetuju membukakan peluang kera'ayan kepada lain² orang yang mendatang kemudian. Dan pada masa ini mereka mendapati bahawa mereka pada keseluruhan-nya maseh chichir dan lemah, jika di-bandingkan dengan lain² kaum yang mendatang kemudian, terutama dalam suku keempat kurun kesembilan belas dan empat decade mula² kurun kedua puloh ini. Berdasarkan kepada dua fakta ini, maka tiada siapa pun yang bersikap jujur dan adil dapat menentang Pindaan Perlembagaan ini yang lebeh menjelas, menegas dan memperkukuhkan lagi hak² mereka itu.

Sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara yang asal-nya di-punyai oleh orang² Melayu dan lain² bumiputera itu, pada masa ini terdapat kaum² yang lain yang datang berhijrah kemudian, terutama mula² daripada suku keempat kurun kesembilan belas yang lepas seperti yang saya katakan tadi. Mereka juga sekarang ini kebanyakan-nya telah menjadi ra'ayat dan mempunyai kepentingan² di-negeri kita ini. Wujud-nya mereka itu di-sini tidak dapat di-ketepikan begitu sahaja tanpa menimbulkan kesan² burok dan besar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau salah satu daripada dua gulongan ini (gulongan Melayu serta lain² bumiputera di-satu pehak dan gulongan bukan Melayu serta lain² bumiputera di-satu pehak lain) sangat kechil bilangan-nya dan sangat lemah kekuatan-nya sa-hingga tidak berdaya upaya apa² seperti Red Indians di-Amerika atau orang² Aborigines di-Australia atau gulongan minority mendatang di-satengah² negeri di-Afrika, maka keadaan tidak-lah menjadi begitu rumit. Sa-balek-nya dua gulongan ini berjumlah lebeh kurang sama banyak, sedang kedudukan masing² dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sosial ta' saimbang. Hal ini tak dapat di-abaikan, atau di-pandang sepi. Kalau tindakan² tanpa perhitungan teliti apa lagi reckless di-ambil, maka negeri kita akan menjadi gelanggang kekacauan yang bukan hanya terbatas reaksi-nya di-dalam negeri kita ini sahaja, malah sa-balek-nya mungkin keluar negeri juga. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kedudukan dalam negeri Malaysia menjadi sa-makin burok, malah kedudukan Malaysia di-kalangan antarabangsa juga akan menjadi bertambah sulit dan rumit.

Oleh itu Hak Istimewa Orang² Melayu serta lain² bumiputera di-satu pihak dan hak² Kera'ayatan kaum² lain itu perlu-lah di-berikan peruntukan² yang lebih jelas dan kukuh lagi dalam Perlembagaan dengan tujuan memberikan jaminan bagi masa hadapan bagi mereka itu di-tanah ayer kita ini. Kalau masa hadapan tiap² golongan terjamin, maka perasaan bimbang dan shak-wasangka akan dapat di-hapuskan. Pada saya, Pindaan Perlembagaan ini, berserta dengan pelaksanaan yang patoh, wajar, adil dan penoh rasa muhibbah, dapat-lah menjamin kedudukan tiap² golongan ra'ayat di-negeri ini dan bagi sa-tiap ra'ayat yang jujur dan setia, maka tiada pilihan lain lagi bagi mereka melainkan menyokong Pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pergolakan politik berparti, terutama dalam usaha merebut pengaruh di-kalangan ra'ayat dan dalam masa kempen² pilihan raya, ada dua hujung (extreme) ia-itu DAP serta PPP di-satu pihak dan PAS di-satu pihak lain. Di-dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat daripada puak DAP berucap sa-o'lah² mereka mahu menjadi ahli falsafah Politik Yunani (Greek) di-zaman dahulu yang pendapat²-nya kurang sesuai untuk keadaan negara kita pada hari ini. Mereka berucap tentang hak² persamaan, perpaduan negara dan lain² lagi begitu baik dan hebat bunyi dasar dan chita². Tetapi D.A.P. dan P.P.P. dalam ucapan²-nya di-masa yang telah lalu, terutama dalam masa kempen pilihan raya telah lantang dan lantang menentang peruntukan² Perlembagaan dan usaha² Kerajaan Perikatan berkenaan dengan orang² Melayu dan lain² bumiputera sa-hingga timbul ketegangan yang memunchak kepada Peristiwa 13 Mei itu.

Saya dapat-lah faham mengapa DAP menentang Rang Undang² ini. Jika Rang Undang² ini di-luluskan, maka politik melampau dan ta' bertanggung-jawab tidak lagi dapat di-mainkan sa-chara berterang² oleh DAP dan lain² pihak serta puak yang melampau a'au extreme itu. Dengan kata² lain, Pindaan Perlembagaan ini, jika lulus, akan menyekat peluang² dan chara² mereka yang tidak bertanggung-jawab itu untuk menyebabkan timbul-nya ketegangan dan kekacauan antara kaum melalui ucapan² terbuka sama ada dalam Dewan² meshuarat mahu pun di-tengah² umum.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana sa-kali pun untuk kepentingan bangsa dan negara Malaysia, Ahli² Yang Berhormat

daripada parti² Pembangkang mesti-lah menunjukkan kejujuran dan perasaan tanggung-jawab-nya dengan menyokong Pindaan Perlembagaan ini. Kepentingan seluruh bangsa (nation) yang meliputi kepentingan tiap² kaum ada-lah jauh lebih penting daripada kepentingan masing² parti politik kita sendiri untuk di-lupakan.

Tuan Yang di-Pertua, memang-lah benar bahawa dengan lulus-nya Pindaan Perlembagaan ini kebebasan Ahli² Yang Berhormat berchakap di-dalam Parlimen ada-lah terbatas, ia-itu terbatas sa-panjang yang berkenaan dengan menyoal, atau mengungkit perkara² yang sensitive tersebut. Pada saya, tiada apa yang boleh memalukan kita kalau Parlimen kita mengenakan sekatan² tertentu. Walau pun kita mengambil contoh sistem Parlimen dan demokrasi berparlimen daripada Britain, tetapi ini tidak-lah bermasalah kita mesti mengikut Britain dalam serba serbi-nya. Kita kena-lah menyesuaikan perjalanan Parlimen kita mengikut hal keadaan yang terdapat di-negara kita dan berdasarkan pengalaman kita berpolitik dan berparlimen. Tiada apa yang patut di-malukan. Sa-balek-nya, ini sa-bagai tanda bahawa kita semua mempunyai rasa tanggung-jawab dan sanggup berdisiplin sa-bagai satu bangsa dan negara. Dan kita sendiri sa-bagai Ahli² Parlimen, patut-lah berasa megah dan shukur atas keberanian dan kesanggupan kita untuk mengambil keputusan yang mendisiplinkan diri kita sendiri.

Dengan pindaan ini, Ahli² Yang Berhormat daripada parti² Pembangkang masih tetap boleh duduk dalam Parlimen ini dan masih tetap juga boleh bebas berchakap.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu hal keadaan ini jauh lebih baik daripada dalam negara² yang dengan berbagai² chara dan nama hanya membenarkan satu parti politik sahaja, ia-ini parti politik pemerintah sahaja dan mana² puak Pembangkang di-sekat atau di-simpan di-dalam tahanan; ta' usahkan dapat peluang duduk dalam Parlimen untuk berchakap bebas seperti di-negara kita ini, bahkan duduk di-rumah dengan aman pun tidak dapat.

Jadi, walau pun dengan ada-nya sekatan yang tersebut tadi, Parlimen kita tetap-lah di-antara yang paling sempurna dan baik sa-bagai lambang kedaulatan dan kekuasaan ra'ayat atau bangsa dan negara-nya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan terhadap Pindaan Perlembagaan ini. Dalam masa dua tiga hari yang lalu ini kita telah dengar berbagai² ucapan, berbagai² "thesis demokrasi" daripada berbagai² pihak. Ada yang membawa kita ka-Eropah, ada pula membawa kita ka-Afrika, dan yang menghairankan sa-kali ia-lah ada sa-tengah² daripada pihak Pembangkang yang sa-olah² mereka-lah "hero demokrasi" dalam Dewan ini, tetapi di-luar² Dewan, di-dalam pilihan² raya mereka-lah yang chuba merosakkan perkembangan demokrasi. Jadi, dalam perkara ini teringat saya pada masa dalam mana Presiden Sukarno dahulu melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia, ia-itu berhubung dengan kemasukan Sarawak dan Sabah.

Beliau bermati²an berkehendakkan Sabah dan Sarawak itu mengadakan pilihan raya terlebih dahulu sa-belum memasoki Malaysia. Jadi yang aneh-nya ia-lah beliau berkehendakkan pilihan raya di-negeri orang, tetapi beliau sendiri tidak menjalankan "initiative" mengadakan pilihan raya di-Indonesia sendiri hinggakan-lah Presiden yang baharu ini, baharu ada ura² hendak mengadakan pilihan raya. Jadi bagitu-lah rupa-nya kedudukan sa-tengah² parti Pembangkang yang ada dalam Dewan ini. Jadi sungguh pun telah banyak yang berchakap berhubung dengan tuduhan pemimpin UMNO Negeri Selangor, konon-nya gila kuasa yang menyebabkan terchetus-nya peristiwa 13 Mei; dan kalau saya tidak sebutkan mungkin janggal sedikit kerana saya sendiri pun datang daripada negeri Selangor.

Jadi kedudukan yang sa-benar-nya pada sa-lepas pilihan raya kita dahulu, parti yang mempunyai suara yang terbanyak dalam negeri Selangor ia-lah Parti Perikatan, ia-itu 14 suara; dan 14 suara yang lain terbahagi kepada Parti Bebas, Gerakan dan DAP. Jadi kalau beliau mengatakan yang pemimpin Negeri Selangor itu gila kuasa, hendak terus memegang Kerajaan Negeri Selangor, ini adalah tidak berasas sama sa-kali, dan ada-lah hak Parti Perikatan menubuhkan Kerajaan kerana parti itu-lah yang mempunyai 14 suara, ia-itu yang terbanyak bagi "single" party dalam pilihan raya negeri Selangor.

Jadi yang menghairankan, dalam pilihan raya yang lalu, pertandingan ia-lah antara parti² politik ia-itu Parti Perikatan, Parti

DAP, Gerakan dan Bebas. Mungkin juga ada yang mengatakan Parti Perikatan kalah sedikit—itu memang benar. Tetapi yang menyusahkan atau membingungkan orang ramai ia-lah sa-lepas keputusan pilihan raya itu di-umumkan dan pihak Parti Pembangkang mengadakan procession²; soal yang di-kemukakan ia-lah bukan mengejek² penyokong² Perikatan, tetapi mereka menggunakan perkataan² seperti "orang Melayu sudah habis." Ini dengan sendiri-nya ditujukan kepada orang Melayu seluruh-nya; dan dia mengatakan: "Orang bukan Melayu mesti menjadi Menteri Besar Selangor." Inilah perkara² yang di-kemukakan oleh mereka dan mereka tahu Menteri Besar itu mesti-lah datang-nya daripada orang Melayu, atau pun orang Islam. Ini merupakan provocation daripada mereka (orang Melayu) dan sa-olah² dia hendak menyakitkan hati orang Melayu.

Jadi itu pun tidak mengapa juga kalau tuduhan² itu di-kemukakan kepada penyokong² Perikatan seperti saya sendiri. Kita boleh terima. Tetapi apa-kah kait-mengait-nya dengan orang Melayu biasa? Yang mungkin hanya sa-bagai pengundi, tetapi mungkin tidak menjadi penyokong kuat Perikatan? Itu-lah yang menyakitkan hati mereka. Itu pun tidak mengapa juga.

Tetapi dalam procession² itu ada pula yang macham hero berdiri di-atas kereta² dengan mengeluarkan perkataan yang tidak baik—buka seluar, tunjok pula cherut dia (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu chakap tidak usah-lah bawa di-sini, kalau di-kedai kopi boleh-lah cerita itu (*Ketawa*).

Tuan Shariff Ahmad: Jadi itu-lah yang menyusahkan—fasal tidak ada perkataan yang lain, Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan (*Ketawa*).

Kalau hendak sebutkan indecent gesture—not appropriate, itu-lah dia. Tetapi ma'af-lah kalau tidak ada perkataan yang sesuai, tetapi itu-lah sahaja perkataan yang saya dapat sebutkan

Tuan Yang di-Pertua: Jadi walau pun melanggar undang² Parlimen hendak sebutkan juga, ya? Kita berkehendakkan demokrasi tadi, ingat!

Tuan Shariff Ahmad: Kadang² tersusul juga (*Ketawa*).

Apa yang kita hadapi pada hari ini ia-lah empat masaaalah sensitive (1) Kera'ayatan, (2) Bahasa, (3) Hak Istimewa (4) Raja² yang pada anggapan kita keempat² perkara sensitive ini sa-rupa-lah dengan "orang kembar berempat". Saya sengaja sebutkan orang kembar berempat, kerana kalau satu di-usek, yang lain pun sakit juga. Jadi mithal kata kalau usek hak istimewa orang Melayu, soal kera'ayatan berbangkit juga, kerana keempat² ini-lah dahulu, sa-masa kita menggubal Perlembagaan di-jadikan sa-bagai asas "compromise" antara orang² Melayu dengan bukan Melayu untuk membulatkan kedudukan kita bagi memperjuangkan kemerdekaan.

Memang benar pehak Pembangkang khasnya DAP mengatakan dia tidak menentang perkara² khas-nya keempat² perkara ini. Tetapi apa yang berlaku dalam pilihan raya atau pun di-kedai² kopi? Mereka menggunakan perkataan sindiran atau pun perkataan perli sa-bagai cynical. Umpama-nya saya sebutkan, dalam soal hal istimewa orang Melayu, dia kata dalam pilihan raya bagini :

(I) "Chukai di-kutip dari orang² China dan di-belanjakan kepada orang² Melayu di-luar bandar." Dia tidak sebut pula kemajuan² yang di-buat di-kawasan² New Villages atau pun incentive² yang di-berikan kepada gulungan perusahaan²—dia hanya menyebut sa-kerat² sahaja.

(II) Soal kera'ayatan, dia sebutkan satu gulungan saha'a yang mendapat kera'ayatan—faedah daripada undang² kera'ayatan; tetapi dia tidak sebutkan pula kera'ayatan itu di-berikan kepada semua pehak sama ada orang Malaysia keturunan China, Malaysia keturunan India, atau pun orang Indonesia dan juga orang² daripada Asia Barat atau Timor Tengah.

(III) Soal bahasa selalu mereka itu sebutkan berkehendakkan multi-lingualism.

(IV) Satu perkara lagi soal Raja², dia tidak sebut dia menentang Raja², tetapi apa yang di-sebutkan-nya, saya beritahu, sebutkan di-sini, umpama-nya, dia kata: "to vote for the sailing boat is to vote for feudalism."

Jadi sindiran yang macham ini-lah yang menyakitkan orang² kita—orang² yang ta'at setia kepada negara ini dan kalau dia hendak berdaleh pun di-situ-lah chara² dia mengeluarkan perkataan² itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak bertanya tentang mana kena-mengena dengan Bill ini?

Tuan Shariff Ahmad: Saya suka hendak sebutkan fasal dia kata dia tidak menentang perkara² sensitive ini, yang saya hendak prufkan yang dia itu menyindir, menyakitkan

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jawab bila dia tidak menentang, jawab tepat begitu sahaja sudah-lah, ta' usah bawa cherita panjang².

Tuan Shariff Ahmad: Jadi soal Perlembagaan, ini, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bawa cherita panjang², sakit hati lagi sa-kali, boleh jadi lagi sa-kali gadoh!

Tuan Shariff Ahmad: Ini kali akhir yang kita ini berchakap fasal itu.

Soal Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-rupa-lah kedudukan-nya macham sa-buah rumah yang di-bena di-satu padang—tengah² padang dengan tidak ada pagar. Dengan ada-nya sa-buah rumah yang lengkap begitu rupa banyak-lah orang yang menom-pang, ada pula sa-tengah²-nya dudok di-bawah rumah, kerana hendak mendapatkan nikmat daripada rumah ini. Jadi perkara ini, Perlembagaan ini berjalan dengan baik hingga pada satu ketika tahun 1964 timbul-lah satu pehak melancharkan roket. Roket ini pula meletop dekat rumah. Jadi, tujuan-nya melancharkan roket ini menghanchorkan rumah itu kepada debu² manusia—debu² haiwan. Dia hendak jadikan pula unsor manusia yang di-namakan Malaysian Malaysia. Jadi di-situ-lah mula-nya kedudukan kita orang di-tanah ayer kita ini berasa shak-wasangka dengan masa depan-nya. Jadi, sa-belum itu maseh berjalan dengan baik. Dan sa-lepas daripada tahun 1964 sahaja-lah baharu kedudukan kita ini berasa bimbang dan churiga.

Jadi dalam pada kita membahathkan, atau mengemukakan pindaan ini, kita tidak membahathkan untong kepada satu² pehak, untong kepada orang Melayu, atau rugi kepada orang China. Apa yang kita berkehendakkan dengan pindaan ini ia-lah membuat satu pagar untuk memagar Perlembagaan itu dan pagar itu merupakan ampangan yang membahagikan orang yang "jahat" dengan orang yang "baik". Orang yang "baik" ini dengan sendiri-nya berada di-dalam pagar untuk menjunjung Perlembagaan, dan orang yang "jahat" ini kita boleh asingkan dan kalau perlu kita hantar ka-Pulau Jerejak.

Jadi dengan sendiri kita tahu dengan ada empangan ini, orang baik dan orang jahat—dan yang jahat itu hantar ka-Pulau Jerejak, dan kalau tidak muat Pulau Jerejak yang ada pada hari ini, kita tambah lagi dua tiga Pulau Jerejak.

Dalam soal hak istimewa orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang di-sebutkan ia-lah perkara lama. Apa yang kita hendak tambah ia-lah 153 Clause (8) (e) ia-itu berhubung dengan sekolah² tinggi Post Secondary Education atau pun Pre-University Education. Ada juga sa-tengah² pehak yang menudoh Kerajaan tidak berbuat apa² dalam perkara ini. Kata-nya, Kerajaan sengaja tidak hendak berbuat apa² untuk membanyakkan orang² Melayu menjadi doktor, orang Melayu menjadi saintis. Ini-lah yang di-limparkan oleh pehak parti² Pembangkang terhadap kita. Jadi satu perkara yang suka saya hendak sebutkan, bukan Kerajaan tidak hendak berbuat apa². Dalam soal memasukkan murid² ka-universiti mithal-nya, dahulu Kerajaan chuba hendak memasukkan murid² ini ka-universiti dengan menggunakan Fasal yang tertentu sa-bagai “state scholars”. Itu ada-lah sa-bagai hak mereka. Pehak Pembangkang pula mengeluarkan chogan kata: “Kerajaan memasukkan Melayu ka-universiti sa-chara pintu belakang”. Ini-lah perkara² yang menyusahkan Kerajaan kita dan dengan ada-nya undang² yang tertentu, maka tidak-lah Kerajaan kita “guilty conscious” hendak memberi peluang kepada mereka. Mithal-nya saya sebutkan murid² Melayu kelulusan Pre-University Education.

Dalam tahun 1967 (aliran Inggeris) anak² Melayu 338 di-bandingkan dengan bukan Melayu 1,400.

Tahun 1968, 477 di-bandingkan dengan 1,700.

Tahun 1969, 397 di-bandingkan dengan 1,740.

Ini kelulusan daripada Pre-University Education.

Masaalah kita yang ada hari ini ia-lah hendak membanyakkan mereka itu. Jadi kalau mithal kata wakil dari Batu menyatakan pengeluaran kita mengadakan Junior Colleges, saya ternanti² beliau menyatakan di-Junior Colleges itu patut di-adakan kursus tiga tahun Pre-University Education dan bukan-nya dua tahun seperti H.S.C. untuk memberikan handicap kepada anak² kita

Melayu. Tetapi dia tidak berani sebut yang itu. Fasal dia tahu bila kita adakan tiga tahun Pre-University Education di-Junior Colleges, maka beliau terpaksa menerima ramai Melayu sa-bagai Chairman University Council sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Memadaī-lah kata dia tidak menyebut sahaja. Jangan-lah kata dia tidak berani!

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, baik-lah. Soal bahasa. Ada juga pehak DAP yang menyatakan Kerajaan tidak menggunakan atau melaksanakan soal maintain dan sustain mengenai soal bahasa. Saya suka hendak beri tahu-nya, soal bahasa ini telah pun di-kuatkan dengan memasukkan dalam Dasar Pelajaran ia-itu mithal-nya di-sekolah² China hari ini maseh lagi mendapat enam tahun Free Primary Education yang menggunakan bahasa China sa-bagai Medium of Instruction. Begitu juga dengan “pupil own language” di-ajar kepada semua pehak hinggakan di-peringkat universiti kita mengadakan Department of Chinese Studies. Dan gaji² guru sekolah China yang dahulu-nya di-bayar oleh ibu bapa, tetapi sekarang ini di-bayar oleh Kerajaan kita. Jadi ini tudohan² yang liar tidak patut di-kemukakan oleh pehak mereka itu, kerana saya tahu ramai daripada gulongan DAP itu terdiri daripada bekas guru² dan dia tahu perkara ini. Itu sengaja dia bawa kemari boleh jadi untuk memprovokan maruah orang² China supaya mengundi dia.

Jadi, satu perkara lagi, saya rengkas²kan, soal Raja². Saya sudah sebutkan tadi chara dia memperlikan Raja². Jadi sudah-lah banyak saya sebutkan perkara itu, kerana perkataan yang saya katakan “to vote for the sailing boat is to vote for feudalism” itu memadaī “to illustrate” kepada mereka yang dia itu perli Raja².

Jadi berbalek pula kepada soal yang marah sangat daripada pehak Pembangkang ini kata dia “dengan undang² pindaan ini kita menyekat hendak berchakap M.P². dia”. Saya suka memberi satu contoh yang pendek sahaja sa-bagai illustration dia. Barangkali kita ingat lagi, saya pun bukan Ahli Dewan pada masa itu, perkataan “belachan” yang di-timbulkan oleh mendiang D. R. Seenivasagam dalam Dewan ini. Belachan ini semua orang seronok memakan-nya. Kalau tidak makan belachan, bukan orang Malaysia. Tetapi chara-nya

Tuan Yang di-Pertua: Belachan itu apa? Seronok? (*Ketawa*).

Tuan Shariff Ahmad: Seronok bila memakan-nya! (*Ketawa*). Ini lebih kurang budu juga. Kalau perkataan belachan itu di-chakap dengan chara baik, maka baik-lah erti-nya tetapi chara dia meletakkan perkataan itu "Hai, Belachan!" Itu-lah yang menimbulkan pergadahan antara mendiang itu dengan wakil, saya ingat pada masa itu Ahli dari Kuala Langat yang hampir² bertumbok.

Jadi, kalau kita berkata macham ini rupa—boleh bersebab, atau pun boleh menimbulkan kemarahan dalam Dewan ini, apa lagi yang lain. Patut-nya perkataan belachan itu, kalau kita hendak kata, tidak jadi apa², tetapi chara dia menyebutkan itu, "Hai, Belachan!" Itu menimbulkan perasaan marah di-kalangan orang Melayu.

Bagitu juga dengan perkataan buah manggis (*Ketawa*). Buah manggis yang saya buat Muhibbah Parti, itu bagus. Semua orang suka makan buah manggis, tetapi kalau disebut, "Hai, Manggis!", orang Malaysia keturunan India marah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Buah apa tadi! (*Ketawa*).

Tuan Shariff Ahmad: Saya hendak sebutkan

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa dengar, buah apa? Manggis!

Tuan Shariff Ahmad: Ya, buah manggis (*Ketawa*). Fasal Ahli² Yang Berhormat kata, "Freedom of Speech". Jadi, perkara² yang kecil itu pun boleh menimbulkan perasaan.

Yang akhir sa-kali buah langsung (*Ketawa*). Bagitu juga kalau langsung biasa. Tidak siapa yang marah. Tetapi kalau perkataan langsung itu di-halakan, mithal kawan saya di-hadapan ini, orang Malaysia keturunan China, mithal kata—dia marah.

Jadi, perkataan yang kecil² seperti ini boleh menimbulkan perasaan di-kalangan kita, apa-tah lagi kalau kita timbulkan soal seperti yang saya sebutkan yang keempat², yang kembar itu. Saya sangat sedih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana barangkali Ahli² Yang Berhormat yang lain hendak berchakap saya pun lompat² sahaja ini.

SA-ORANG AHLI YANG BERTHORMAT: Lompat si-katak lompat.

Tuan Yang di-Pertua: Belum dudok lagi orang lain sudah melompat (*Ketawa*).

Tuan Shariff Ahmad: Nanti dahu'u! Ada pula yang marah soal ekonomi. Dia kata konon-nya Kerajaan tidak membuat langsung, gagal dalam usaha hendak meninggikan ekonomi orang kita Melayu. Jadi dahulu focus kita ia-lah pada Ranchangan Luar Bandar. Itu tema kita. Ranchangan itu berjalan dengan baik dan maju, tetapi tema kita hari ini lain, seperti yang kita dengar daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan pemimpin² kita yang lain, dasar ekonomi baharu kita ini ada dua chabang. Satu, dia kata, "the eradication of poverty irrespective of race," itu satu, tidak siapa. Satu lagi, "restructure of the society."

Jadi, soal hendak menghapuskan kemiskinan itu tidak akan timbul tuduhan² daripada mana² pehak, tetapi kalau timbul soal "restructure of the society", mungkin disitu esok timbul perkara² kerana ini melibatkan "human element". Mithal orang Melayu. Bila sebut Melayu sahaja—tanam padi. Bila sebut taukeh—kita ingat China-lah, tetapi mungkin society yang akan datang ini dibawah dasar ekonomi yang baharu kita ini ada antara penanam padi orang Melayu itu kita hendak suroh dia jadi ahli perniagaan. Itu melibatkan soal "human element". Ini besok, maka timbul-lah tudoh-menudoh membawa orang Melayu pergi ka-business atau pun orang China pergi "padi planting". Ini mungkin timbul besok yang kita sendiri mungkin bimbang. Jadi, untuk mengelakkan kegagalan ranchangan Kerajaan ini, maka perlu-lah kita "mendesiplinkan" diri kita. Ma'ana kita berhati²-lah berchakap jangan-lah lepas macham dahulu. Barangkali ini-lah waktu yang akhir kita boleh lepas macham dahulu, itu-lah barangkali, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa tengok ramai yang lepas² hangat itu. Jadi, itu-lah perlu-nya kita hendak menjalankan dasar ekonomi yang baharu itu, yang mungkin, saya kata tadi menimbulkan soal "human problem". Mungkin kita hendak bawa factory ka-kawasan Kajang, kawasan saya. Mungkin ada tentangan², tetapi kita tahu factory itu baik, tetapi dengan ada-nya sekatan berchakap sa-wenang²-nya itu bukan hendak kita potong lidah dia maka kita analyse dahulu benda itu—bagus, tidak

bagus, baharu-lah kita berchakap. Jadi itu-lah, saya pun tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua, kenapa mereka ini berchakap begitu lepas, dengan tidak memikirkan akibat² dan consequent²-nya.

Boleh jadi, saperti wakil daripada Kampar tadi, dia terpaksa membaca satu² thesis daripada tempat lain, dia tidak boleh ditahan. Kalau di-tanah dia hilang. Boleh jadi begitu gaya-nya. Dia terpaksa, di-luar Dewan menulis begitu dan dalam Dewan pun dia terpaksa berchakap daripada Alif sampai Nya.

Jadi itu-lah sedikit sa-banyak, Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada saya sendiri dan rasa saya bagi kita kalau berlaku lagi kekacauan saperti yang berlaku 13 Mei dahulu, pada pandangan saya sendiri tidak siapa yang untong dan boleh jadi perkara ini akan, bukan sahaja terhad kepada satu² kawasan, tetapi akan berlaku di-seluruh tanah ayer kita. Dan itu-lah mungkin permulaan bagi kita peperangan saudara. Dan kepada mereka, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak usah chakap banyak sangat. Kita kena anggap mereka yang menentang Bill ini macham kita berjumpa dengan sa-orang orang gila. "Jangan kita kata dia gila, tetapi biar dia kata kita gila".

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di-atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua kepada saya kali ini untuk turut bersama membahathkan Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan kita di-dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan pembawaan Akta (Pindaan) Perlembagaan ini, maka ternyata-lah bahawa sa-sungguh-nya Perlembagaan kita ini ada sedikit sa-banyak kekurangan, atau pun sedikit sa-banyak yang menda'ngkan kekacauan, atau pun mendatangkan kekeliruan di-kalangan ra'ayat di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah tidak begitu lengkap dan sempurna Perlembagaan kita ini, pehak kami dari Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu telah pun menyatakan lebeh dahulu daripada hari ini sejak Perlembagaan kita ini di-gubal dan sa-terusnya sa-hingga hari ini pehak PAS mengatakan bahawa Perlembagaan kita ini ada sedikit sa-banyak kekurangan-nya, terutama sa-kali bagi menyesuaikan hasrat orang Melayu dan umat Islam dalam negeri ini. Sebab menyuarakan hasrat orang Melayu dan

umat Islam bukan bererti bahawa PAS adalah sa-buah parti perkauman. PAS bukan sa-buah parti perkauman, sebab PAS ada-lah sa-buah parti Islam yang di-dalam-nya ada bermacham² bangsa atau pun kaum. Jadi, masaalah yang ada ia-lah bahawa di-negara kita ini ada-nya umat Melayu dan ada-nya umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bahawa di-negara kita ini ada beberapa masaalah yang pasti di-pandang berat oleh Kerajaan dan seluruh ra'ayat kita. Perkara² ini ada-lah menjadi jurang perpisahan antara ra'ayat di-dalam negara ini. Perkara, yang menjadi masaalah-nya ia-lah bangsa atau pun keturunan ra'ayat Malaysia. Yang kedua, ugama, di-Malaysia ada bermacham² ugama. Yang ketiga, bahasa, kerana di-Malaysia ada berbagai² bahasa yang masing² mengikut asal keturunan masing² yang menggunakan bahasa itu. Yang keempat-nya, ia-lah ekonomi dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa masaalah negara kita ini ada-lah satu masaalah yang besar dan satu masaalah yang rumit. Sebab empat masaalah ini ada-lah semua masaalah yang berat yang mesti di-pikul oleh kita semua, khas-nya di-Dewan yang mulia ini. Kalau kita tinjau di-negeri² lain yang mempunyai masaalah tidak sa-banyak itu, tetapi di-negara² itu tidak dapat menyelesaikan masaalah² itu dengan sa-wenang²-nya, tetapi di-negara kita masaalah empat perkara ini memang-lah besar. Sungguh pun yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pada kita memang tanggung-jawab kita di-beri amanah oleh ra'ayat untuk menyelesaikan masaalah² yang ada di-dalam negara kita. Jika tidak kita menyelesaikan masaalah² ini dengan sempurna baik. Bererti kita kurang berjaya dalam tugas² kita memenohi kehendak² ra'ayat.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya maseh samar² tentang dasar Kerajaan untuk menyelesaikan masaalah² yang saya perkatakan tadi belum begitu jelas tentang ka-arrah mana penyatuan negara kita ini hendak di-bawa, penyatuan umat² di-dalam negara ini hendak di-bawa oleh Kerajaan kita hari ini kerana segala ucapan² dan segala pindaan² undang² atau pun Perlembagaan, saya nampak semua-nya maseh kabor lagi yang menuju ka-arrah matalamat penyatuan kaum, penyatuan bangsa di-dalam negara kita ini.

Ya, Tuan Yang di-Pertua, mungkin perkara² yang sedang di-bawa dan yang di-uchapkan oleh pemimpin² Kerajaan kita pada masa ini mungkin boleh menyelesaikan masalah perkauman buat sementara, tetapi dari segi hakiki dan dari segi akhir-nya saya rasa penyelesaian itu tidak akan dapat dan tidak akan terchapai juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sebutkan ia-itu masalah bangsa. Kita sudah tahu bahawa sa-sungguh-nya negara ini ada-lah hak orang Melayu, negara Tanah Melayu hak orang Melayu dan negara Malaysia Timor ada-lah hak orang bumi-putera. Boleh di-katakan negara kita Malaysia ini ada-lah hak orang Melayu dan hak bumi-putera. Di-bacha dari sudut mana pun, dari sejarah mana pun, maka itu-lah yang ternyata dan terchatit di-dalam-nya yang menyatakan bahawa sa-sungguh-nya negara kita ini ada-lah hak orang Melayu dan hak bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, di-atas asas mahu menchapai kemerdekaan, orang Melayu yang di-masa itu sa-bahagian besar-nya di-bawah pimpinan UMNO telah sanggup mengurbankan bangsa-nya menjadikan satu kaum. Kalau dahulu negeri ini di-kenal dengan nama Tanah Melayu dan bangsa-nya ada-lah bangsa Melayu, tetapi dengan hasrat mahu merdeka, maka orang Melayu di-bawah pimpinan UMNO yang bergabung dengan Perikatan telah sanggup menghanchorkan bangsa-nya dan menjadikan satu kaum. Sekarang mahu tidak mahu orang Melayu ada-lah satu kaum di-dalam Malaysia, atau pun orang Melayu ini boleh di-panggilkan bahawa ra'ayat keturunan Melayu, ra'ayat Malaysia keturunan Melayu. Ini-lah pengurbanan yang paling besar yang di-beri, yang di-buat oleh orang Melayu untuk menchapai kemerdekaan sama ada di-pandang dari apa mithal-nya dari orang lain sudah berada di-negara ini, atau pun oleh kerana kehendak² British di-masa itu mengkehendaki orang Melayu menerima itu baharu-lah kemerdekaan di-beri.

Jadi apa yang kita simpulkan bahawa orang Melayu sudah sanggup mengurbankan bangsa-nya, menghanchorkan bangsa-nya menjadi satu kaum. Jadi ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, ini pengorbanan yang di-buat oleh orang Melayu.

Jadi, masalah yang kedua yang saya katakan masalah besar tadi ada-lah masalah agama. Banyak orang terlupa sama ada di-dalam Dewan ini, atau pun di-luar orang menyebut tentang agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sempena ini mahu menyatakan bahawa masalah agama ada-lah masalah yang besar di-dalam negara kita. Sebab di-negara kita ini ada bermacam² agama; Islam Christian, Buddha, entah ta'ada agama langsung pun saya ta'tahu ada, kalau ada langsung pun, saya tidak mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, masalah agama ini kalau kita sebutkan dan kalau kita kaji maka menjadikan satu masalah yang rumit, tetapi kalau masalah rumit itu kita tinggalkan bagitu sahaja . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak suka hendak menyekat Ahli Yang Berhormat berchakap sebab ini pertama kali. Tetapi apa point-nya sa-lama itu berchakap berbalek². Sila berchakap berkenaan dengan Bill atau apa² point, jangan berchakap berbalek² fasal agama, itu, ini-lah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan apa yang saya chakap tadi ia-lah tentang Perlembagaan kita ini di-buat dengan tujuan hendak mendatangkan penyatuan kaum dalam negara kita ini bersandarkan sekatan² yang akan di-buat ia-itu saperti Fasal 10 dan lain².

Tuan Yang di-Pertua: Tiba kapada Fasal 10 itu lekas sadikit-lah!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi, yang menjadi masalah kapada kita di-negara kita ini ia-lah tentang ada-nya orang² yang beragama Islam dan orang² yang tidak beragama Islam, mithal-nya orang ini beragama Islam, orang ini beragama Kristian dan orang ini beragama lain. Jadi ini menjadi satu masalah yang sulit untuk mendatangkan perpaduan yang hakiki atau pun yang sa-benar²-nya. Jadi kapada saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya orang Melayu sanggup mengurbankan bangsa-nya untuk keamanan dalam negeri ini, untuk perpaduan dalam negeri ini, untuk menyatukan kaum dalam negeri ini, maka kita berfikir bahawa sa-sungguh-nya alang-kah baik kita menyatukan semua agama di-dalam negeri kita ini, sebab dengan penyatuan agama tidak ada-lah timbul masalah orang ini keturunan Tionghua, orang ini keturunan India, orang ini keturunan Melayu, sebab dengan penyatuan

ugama, maka kita bermenatijahkan atau pun mengakhirkkan dengan betul² ra'ayat negara ini akan menjadikan ra'ayat Malaysia.

Soalan kapada kita, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah bahawa kita tinggalkan perkara ugama atau tidak, kalau kita tinggalkan bererti kita menyatukan kaum² di-dalam negeri ini melalui seperti pelajaran, seperti bahasa, seperti ekonomi. Saya rasa tidak begitu rapat. Pada pendapat saya penyatuan melalui ugama ada-lah lebih rapat daripada yang lain, sebab dia akan melahirkan satu masyarakat baharu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu kalau kita membuat perkara yang seperti ini bererti kita memoleh beberapa ugama mithalnya sekarang kita kata apa-kah kita hendak menyatukan di-bawah satu ugama Kristian, atau pun ugama Buddha, atau pun ugama apa. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita ini ada-lah sa-buah negara Malaysia yang telah menjadikan ugama Islam sa-bagai ugama rasmi.

Masaalah yang kedua mengenai raja² kita ada-lah berugama Islam dan Ketua bagi ugama Islam di-dalam Malaysia ini.

Yang ketiga sudah pun di-amalkan di-negara kita ini tentang ada-nya orang² yang bukan keturunan Melayu, tetapi dengan unsur ugama menjadikan mereka di-anggap Melayu. Jadi bererti kalau sa-kira-nya di-Malaysia ini kita jadikan demikian akan melahirkan-lah satu masyarakat di-mana masyarakat itu di-panggil ra'ayat Malaysian.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menguchapkan terima kaseh terhadap beberapa Menteri dan Duta² kita yang telah mengamalkan apa saya perkatakan ini dan insha' Allah akan datang akan lebih banyak lagi tetapi apa yang saya mahu supaya ra'ayat di-Malaysia ini mengamalkan demikian dengan galakan daripada pehak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa kita memaksa hal ini, tidak, Tuan Yang di-Pertua, sebab dalam ugama Islam kita pun tidak ada paksaan. Tetapi galakan seperti ini untuk melahirkan masyarakat yang betul² masyarakat Malaysia perlu ada, kalau ini di-buat, Tuan Yang di-Pertua, insha' Allah saya yakin kita akan berjaya melahirkan satu jenerasi baharu ia-itu jenerasi ra'ayat Malaysia.

Setiausaha Parlimen kapada Perdana Menteri (Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, mengapa di-anjorkan "tabshir" bagi orang² yang bukan Islam dan apa-kah pehak Parti Islam sa-Tanah Melayu telah buat dalam perkara ini, apa-kah mereka telah buat dalam perkara ini?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Masaalah Parti Islam sa-Tanah Melayu ada-lah masaalah sa-buah parti dan apa yang kita perkatakan ia-lah Negara.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Apa-kah bila PAS memerintah di-negeri Kelantan dan juga di-Trengganu dahulu, yang telah mereka buat untuk mengislamkan orang² yang bukan Islam?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, masaalah

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak di-jawab lagi!

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Parti PAS pun memerintah sa-buah Negeri di-Kelantan dan dahulu memerintah di-Trengganu, masa mereka memerintah dahulu apa mereka buat dalam perkara ini?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bawa angka tentang bagaimana usaha yang di-buat oleh Kerajaan Kelantan, tetapi perkara itu telah di-buat dan telah di-buat sa-masa Kerajaan PAS di-Trengganu dahulu untuk mengajak saudara² kita orang² yang bukan Melayu menganut ugama Islam, angka-nya tidak di-buang, perkara itu boleh kita selesaikan di-luar Dewan.

Massalah yang ketiga ia-lah masaalah bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga-kah atau yang keempat, tadi yang ketiga sudah di-dengar!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Yang keempat masaalah Ekonomi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Masaalah yang ketiga ia-lah masaalah bahasa. Saya nampak ra'ayat di-Malaysia kita ini sa-bahagian besar-nya telah pun menerima

bahasa Melayu, atau pun Bahasa Malaysia menjadi bahasa yang rasmi di-dalam negara kita. Hanya beberapa kaum, beberapa orang, bukan kaum, hanya beberapa orang sahaja yang mungkin tidak sesuai dengan iklim di-Malaysia ini yang menentang dasar menjadikan Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Rasmi dalam negeri ini, tetapi sabahagian besar-nya ada-lah menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 152 cheraian 1 (a), saya nampak fasal ini kurang memuaskan, kerana dengan ada-nya fasal seperti ini memberi peluang kepada orang² yang anti Bahasa Kebangsaan, atau pun Bahasa Malaysia menggunakan di-dalam urusan²-nya dengan bahasa yang lain daripada Bahasa Malaysia.

Perkara ini kita dapat lihat di-satengah² tempat perniagaan, di-satengah² kenderaan perniagaan kita lihat terpampang di-sana, tidak ada tertulis Bahasa Malaysia. Jadi apakala Kerajaan mengatakan, atau pun Menteri² kita bersharah tentang meminta supaya orang², atau pun ra'ayat di-negara kita ini menggunakan Bahasa Malaysia, maka mereka menggunakan fasal ini, cheraian ini yang membolehkan mereka menggunakan bahasa itu, sebab ini ada-lah urusan mereka sahaja, bukan urusan rasmi yang berkaitan dengan Kerajaan. Ini chara perlarian dia. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sa-patut-nya kita menegaskan tentang bahasa ini lebeh kemas sedikit, ia-itu dengan menentukan tempat² umum, tempat² yang di-pandang umum hendak-lah di-gunakan, di-wajibkan menggunakan Bahasa Malaysia seperti di-kedai², di-lori², di-tempat² perniagaan yang orang datang berulak-alek membuat perkiraan hendak-lah di-wajibkan menggunakan Bahasa Malaysia, bukan hanya untuk surat menyurat antara mereka dengan Kerajaan sa-mata² supaya kita berasa bangga dengan penggunaan yang di-amalkan oleh ra'ayat Malaysia di-atas bahasa-nya ia-itu Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini juga saya terasa kechewa tentang kita sudah Merdeka sa-lama 13 tahun, tetapi maseh banyak lagi Menteri² kita yang bukan Melayu tidak boleh memberi keterangan, atau pun entah tidak mahu membuat ucapan di-dalam Bahasa Malaysia.

Hanya yang saya dengar sa-orang sahaja Menteri Dengan Tugas² Khas di-bawah Muhibbah. Saya ucapkan terima kaseh

kapada Menteri itu. Jadi saya terasa malu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Dia bukan buat ucapan dalam bahasa Melayu itu untuk Ahli Yang Berhormat sahaja yang hendak di-ucapkan terima kaseh sangat itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya, terima kaseh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita rasa sepatut-nya semua Menteri² kita itu menggunakan bahasa Melayu, kemudian kalau ada yang mustahak baharu menggunakan bahasa lain sekurang²-nya seperti yang di-buat oleh, "Idzinkan saya bahawa," chukup. Chontoh-nya Perdana Menteri Singapura itu selalu menggunakan bahasa Melayu mengikut apa yang kita dengar melalui radio dan talivishen.

Tuan Yang di-Pertua: Perdana Menteri kita pun menggunakan bahasa Melayu juga!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi ini-lah permintaan saya kapada Menteri kita di-Malaysia ini.

Satu perkara yang saya rasa chukup dukachita tentang beberapa waktu dahulu sa-orang bekas Menteri kita mengetuai satu pasukan bola bertanding dengan sa-buah negara lain di-Kuala Lumpur kita ini. Tetapi bahasa yang di-gunakan di-situ baik dengan chendera-mata-nya, sepandok-nya dan sabagai-nya tidak dengan bahasa Melayu yang menimbulkan kemarahan orang ramai khas-nya akhbar² tempatan. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, semangat bahasa kebangsaan itu hendak-lah lebeh dahulu di-amalkan oleh Menteri² kita sama ada ketika menjalankan tugas apa² sama ada tugas Kerajaan, atau pun tugas² persatuan² bola seperti yang saya sebutkan tadi supaya orang lain melihat bahawa Menteri² kita telah amalkan perkara ini. Jadi sa-benar-nya, amalan itu kadang² lebeh berguna daripada perkataan, kalau kita kata sahaja, kita suroh sahaja, tetapi amalan-nya tidak, maka pandangan ra'ayat tidak begitu mengembirakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ia-lah pelajaran dan ekonomi. Saya sebutkan tentang pelajaran, kita nampak di-dalam Pindaan Perlembagaan ini, baik benar kapada orang² kita ia-itu orang² Melayu tentang hasrat Kerajaan untuk membimbing orang Melayu menuju ka-tempat yang tertinggi di-bidang pelajaran, tetapi saya terasa dukachita, Tuan Yang di-Pertua, bahawa

perkara seperti ini baharu berlaku sa-telah kita merdeka sa-lama ini, sedangkan baharu² kita mencapai kemerdekaan dahulu kita sudah tahu bahawa orang Melayu kekurangan, lemah di-bidang pelajaran dan lahir-lah Penyata Razak, lahir-lah Penyata Rahman Talib yang bertujuan untuk membimbing orang Melayu, tetapi sa-hingga ini pun perkara ini masih kelam-kabut lagi, masih tidak selesai lagi.

Jadi saya rasa ini ada-lah satu kelemahan kepada Kerajaan kita hari ini yang tidak menekankan sunggoh² di-bidang pelajaran supaya orang² Melayu, anak² Melayu boleh naik di-tempat yang tertinggi.

Satu perkara yang saya ingin sebut di-sini mengenai sekolah agama—Sekolah Menengah Agama. Sekolah ini, kebanyakan sekolah² agama di-Malaysia kita ini telah pun menerima dasar pelajaran Kerajaan dengan mengadakan kelas² dengan mengadakan kelas SRP atau pun SPM. Jadi kepada mereka yang menerima Dasar Pelajaran Kerajaan Malaysia ini, bantuan yang di-dapati oleh mereka hanya-lah sa-bagaimana bantuan yang lalu juga ia-itu dengan kadar² yang tertentu seperti \$14 dan sa-bagai-nya bagi satu kepala, sedangkan kepada sekolah² yang lain seperti sekolah China, sekolah Tamil, Kerajaan meminta² supaya sekolah ini menerima Dasar Pelajaran Malaysia dan dengan tujuan untuk memberi bantuan penuh.

Chontoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-Trengganu kalau ta' silap saya, ada sa-belas buah Sekolah Menengah Agama yang murid²-nya lebih kurang lima ribu atau pun enam ribu orang di-sana. Di-sana Sekolah² Menengah Agama itu menerima bantuan Kerajaan hanya sekadar apa yang saya sebutkan tadi, ia-itu di-bawah bantuan kepada sekolah² agama, sedangkan mereka ini ada-lah menerima sa-penoh-nya Dasar Pelajaran Malaysia dan perbelanjaan yang di-jalankan oleh mereka ia-lah hasil daripada pemberian itu dan hasil daripada pemberian² Kerajaan Negeri. Yang mendukachitakan kepada kita ia-lah mereka tidak mempunyai alatan yang cukup, mereka tidak mempunyai guru yang berkebolehan di-bidang pelajaran sains dan hisab dan tidak ada makmal sains. Guru² yang ada pada mereka ia-lah guru² yang di-beri oleh Kerajaan Negeri, di-bayar gaji oleh Kerajaan Negeri dengan hanya kontrek sa-bulan-kah, sa-tahun-kah dan sa-bagai-nya, bukan guru² yang

betul² terlatih yang di-beri oleh Kerajaan Pusat atau pun Kementerian Pelajaran kepada sekolah² ini. Jadi alang-kah baik, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan, atau pun Menteri Pelajaran memandang berat hal ini, sebab sekolah² agama, atau pun sekolah² menengah agama ini ada-lah terdiri daripada 100 peratus orang anak² Melayu. Jadi berarti kita meninggalkan mereka ini, berarti kita meninggalkan kemajuan di-bidang pelajaran anak² Melayu.

Ini-lah yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua.

Sekian-lah sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Dato' Yang di-Pertua, sa-sudah masuk minggu yang kedua, meneliti akan keadaan dan juga perbincangan kita berhubung dengan Akta Perlembagaan ini, kita dapati keadaan Dewan ini berubah dari mula² Akta ini di-lancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan pada hari ini dan pada petang ini sudah jelas perkara yang meng-gembirakan kepada pehak kami. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kala kita selalu mendengar dan kita telah mendengar bahawa perkara² yang di-chakapkan itu satu perkara yang sangat mustahak, tetapi kadang-kala kita mendengar di-dalam Dewan ini ucapan dan kursus politik dan kadang² sharahan² yang berupa agama di-dalam Dewan ini. Jadi pada saya, Dato' Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi dalam Akta ini ada dua masalah sahaja. Kita mesti kembali kepada demokrasi ber-parlimen dengan syarat kita menjamin bahawa tidak ada pergaduhan di-antara kaum² di-negeri ini. Ini perkara yang perlu kita perhatikan dan kalau kita mahu bales kepada parliamentary democracy kita harus menimbangkan sa-bagai sa-orang ra'ayat negara ini dengan perasaan yang jujur dan ikhlas. Kita harus mengenepikan kepentingan parti, kepentingan yang lain² dan kita mesti dahulukan kepada negeri kita. Jikalau Akta ini tidak di-luluskan, maka masing² bermaharaja-lela, bukan sahaja di-dalam Dewan ini mungkin di-luar Dewan akan berkata-lah mereka menuduh satu demi satu membangkitkan perkara yang lama. Kudis sudah baik, darah keluar lagi. Ini-lah perkara yang kita harus kaji dalam masa kita menepatkan Undang² ini. Tetapi sa-bagaimana saya kata tadi, Dato' Yang di-Pertua, keadaan berubah. Pada minggu yang pertama udara panas

selalu. Sa-orang Ahli Dewan ini telah menjadi berita besar dalam akhbar, boleh-lah saya mulakan pantun pada petang ini, Dato' Yang di-Pertua :

Alif ba ta,
A b c,
Sahabat saya Hashim Gera,
Apa sudah jadi?

Dato' Yang di-Pertua, dalam masa Akta ini hendak di-perbahatkan, hendak diluluskan pengaruh parti lawan, pengaruh parti Pembangkang bagi hendak memperkenalkan orang-nya, tokoh-nya, mengambil kesempatan dalam Akta ini. Kemudian kita tahu, Dato' Yang di-Pertua Gerakan berpechah dan pada petang ini, telah menyatakan sa-bahagian besar Parti Gerakan akan bersama dengan kita.

Parti SNAP pun pada mula-nya membuat satu keadaan dan pertimbangan tetapi petang ini sudah jelas dan sudah nyata, pada saya, Tuan Yang di-Pertua, ucapan Ahli² dalam Dewan ini ia-lah pengukoran kesetiaan atau tidak. Ini-lah pertimbangan saya pada minggu yang kedua ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini dengan amanah dan pengundi di-kawasan saya ia-itu ada-lah suara yang mereka chintakan damai tetapi haus dengan kesejahteraan hidup, walau pun kawasan dan negeri saya Pahang tidak terchedera trejedi 13 Mei, tetapi mereka merasa bahang panas-nya itu. Perasaan perpaduan ikatan muhibbah, sosial yang di-asaskan ertikata sosial saling menghargai kaum² lain dan kepentingan. Ada-nya saling pengertian antara kaum ada-lah hal² yang membuat kawasan dan negeri saya di-Pahang sana tidak timbul trajedi. Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang macham ini tidak akan selamat dan tidak akan kekal bukan sahaja di-kawasan atau negeri saya sendiri, mungkin neger yang lain juga tidak akan kekal keadaan selamat perpaduan kaum dalam negeri itu. Kalau sa-kira-nya ada pehak² yang sengaja menghidupkan perasaan perkauman yang sengaja menchetuskan perasaan² yang menyayat hati. Saya sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-katakan oleh sahabat saya tadi wakil dari Langat bahawa dalam Dewan ini sudah berlaku pertelagahan perkataan daripada mendiang sahabat kita D. R. Seenivasagam dengan Ahli daripada Dewan ini juga daripada Perikatan yang tiap² kali masa mencheritakan dan membangkitkan rasa perasaan yang menyakiti hati bagi pehak orang Melayu, tetapi, Tuan Yang di-

Pertua, mendiang itu sudah pergi, benih yang di-tanam-nya sa-lama 7 tahun, 8 tahun atau lebeh sudah hidup api

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): Mr Speaker, Sir, is it proper for the Honourable Member to speak about another person who is neither in this House nor outside this House?

Tuan Yang di-Pertua: Chakap dalam bahasa Melayu!

Tuan R. C. M. Rayan: (Dengan izin): Sir, the Honourable Member is referring to Mr D. R. Seenivasagam who is neither inside this House nor outside this House!

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sentoh fasal orang² yang tidak ada, yang sudah mati, yang sudah meninggal.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, Raffles mati pada tahun 1819 tetapi sejarah Raffles maseh ada. Tidak-kah boleh ini kita jadikan satu sejarah dalam negara kita. Barang siapa yang bermain api sa-kali, sa-kali, api itu akan hidup dan membakar dan telah membakar Kuala Lumpur pada 13 Mei. Tidak-kah ini satu daripada perkara sejarah yang patut kita ingati dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bermaksud hendak menyentoh peribadi sa-saorang. Dalam Islam sendiri pun tidak boleh menyentoh perkara peribadi persaorangan. Sa-bagai sa-orang Islam yang setia saya tahu dan saya faham, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi maksud saya sejarah tidak boleh dilupai bahkan sejarah itu nanti akan mengajar kita supaya kita boleh memahami kehendak² sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah terjadi, tetapi malang-nya perkara yang terjadi di-Kuala Lumpur trejedi 13 Mei daripada chakapan, hasutan antara kaum dengan kaum sudah berlaku gaduh yang menyebabkan negara kita berpechah-belah. Fahaman berpechah-belah, rugi beratus juta, maka ada-kah kita mahu lagi perkara yang samacham itu. Jawab-nya, tidak mahu. Kalau tidak mahu senang sahaja, jawab-nya lagi tidak banyak chakap, sokong pindaan, habis perkara. Mengapa di-bangkitkan 14 tahun kelemahan Melayu bagini, bagini oleh Parti PAS oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu. Dalam report ini, Tuan Yang di-Pertua, ada menyebutkan beberapa kalimah orang Melayu sa-telah negeri ini merdeka

dalam pegawai tadbir sa-kian² peratus, sa-kian² peratus, China sa-kian² peratus, jawab-nya sa-kian peratus. Semua itu yang menunjukkan kekurangan Melayu. Hanya ada satu sahaja kata-nya dalam ini ia-itu ada untong sedikit sahaja kata dia ada banyak Melayu-nya ia-lah perkhidmatan Undang² boleh tahan kata dia: Melayu 70 orang, bukan Melayu 37 orang. Orang Melayu 65.42% yang bukan Melayu 34.58%. Saya tidak menyangkal kenyataan ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang Menteri Besar dia akan mendapati angka² penyata yang benar. Tetapi saya suka hendak menanya sebab keraguan saya. Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ahli² atau kakitangan yang bekerja itu semua-nya bekerja pada masa Kerajaan Perikatan atau mereka telah berkhidmat sa-belum negeri ini di-perintah oleh Perikatan. Itu yang saya hendak tanya. Kalau sa-kira-nya mereka yang ada itu, dalam angka² ini mereka sudah berkhidmat sa-belum Kerajaan Perikatan memerintah erti-nya dalam masa orang Puteh dahulu, Kerajaan British, kesalahan ini tidak boleh di-letakkan bulat² kepada Kerajaan Perikatan. Ini pertimbangan yang saya beri pertimbangan kepada Ahli Yang Berhormat itu dan juga kepada Tuan² Yang Berhormat. Jika semua pegawai² yang di-sebutkan dalam Akta itu bekerja dalam tempoh masa kita memerintah 14 tahun ini barangkali itu tuduhan yang betul, sebab dalam ayat ini pun dia tidak menuduh orang itu bekerja dengan pen'ajah British, dalam masa pen'ajah British atau dalam masa Kerajaan Perikatan, hanya dia menyatakan dalam masa Kerajaan Perikatan. Pada saya yang tidak loyar ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa ragu. Jadi ada baik-nya perkara ini di-pertimbangkan. Jangan-lah ma'ana-nya kesalahan ini di-letakkan bulat² pada Kerajaan yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-Dewan ini kita telah berkumpul untuk bermeshuarat menyatakan pendapat tentang usaha² peri ke-baikkan bagi negara dan bangsa. Ra'ayat di-bandar, di-desa, sawah bendang bahkan tempat² hutan belantara memusatkan perhatian-nya kepada penerangan mereka melalui T.V. dan radio kepada kita yang ada di-Kuala Lumpur pada hari ini mengikuti telatah dan perdirian kita masing² yang sedang berunding mengkaji akan Akta Rang

Undang² ini atau Akta (Pindaan) Perlembagaan ini yang di-harap akan memperbaiki kehidupan mereka di-masa² yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Pembangkang tidak menyebutkan langsung kejayaan kita dalam pelajaran. Pada masa penjajahan dahulu hanya pengajian Melayu sa-takat sekolah rendah. Apabila negeri ini sudah merdeka Penyata Razak di-buat, di-kaji, di-baiki dengan Penyata Rahman Talib. Hasil-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini taraf sekolah rendah di-sekolah² kebangsaan dalam pengajian Melayu meningkat satingkat kepada sekolah menengah, sekolah menengah atas dan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, walau pun tidak mencukupi kehendak Kerajaan, tetapi kita sudah pun ada Universiti Kebangsaan dalam negara kita ia-itu yang kita tubuhkan dan kita buat dalam zaman Kerajaan Perikatan yang ada hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ada-kah kita lupa tentu-lah ra'ayat tidak akan lupa, tetapi ada orang yang akan melupakan yang sangaja hendak melupakan. Tidak-kah mengadakan ini perkembangan baharu yang ada di-dalam zaman Kerajaan yang ada pada hari ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Akta ini di-buat dengan tujuan-nya keadaan ini tidak mencukupi perlindungan patut di-beri dengan sebab itu-lah Akta (Pindaan) Perlembagaan ini di-buat—di-beri perezapan dengan kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya keadaan persaimbangan pelajaran orang Melayu dan bumiputra dengan orang² yang bukan bumiputra. Kerana konsep kita, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kesejahteraan negara kita ini jikalau tidak ada persaimbangan dari segi ekonomi, mendapatkan persaimbangan dalam ekonomi mesti ada faktor yang besar ia-itu segi pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah nyata dan sedar—sudah nyata dan sudah terang pada kita bahawasa-nya itu-lah sebab-nya Pindaan Perlembagaan merezapkan orang Melayu dan bumiputra dalam negeri ini di-mana² sekolah tinggi dan institute diadakan. Saya pernah berchakap, Tuan Yang di-Pertua, pada penggal yang dahulu, Malaysia tidak akan aman Malaysia tidak akan berbahagia jikalau tidak seimbangkan ekonomi pehak yang berada dengan pehak yang tidak berada. Malaya akan menempoh satu keadaan luar biasa dan perkara ini sudah berlaku tetapi, Tuan Yang di-Pertua,

sa-bagai sifat hamba, kita melalui sifat beberapa kekurangan, tetapi bila kita sudah sadar kekurangan itu kita baiki, keadaan itu, ini-lah yang di-harapkan, Tuan Yang di-Pertua, oleh beberapa pemimpin dan Ahli² Yang Berhormat dari parti Perikatan dalam Dewan ini menyeru supaya pehak² Pembangkang dengan perasaan hati yang jujur ikhlas dan menjadikan kesetiaan itu pada menimbangkan kelulusan Pindaan Perlembagaan ini.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang Melayu saya tidak berkata bahawa saya anti China, anti India atau sa-bagai-nya, tetapi kerana kesejahteraan negara kita pada masa akan datang saimbang ekonomi, saimbangan pengetahuan perlu di-adakan pada hari ini. Apa yang kita buat hari ini kita akan menjadi dosa besar pada zaman yang akan datang oleh jenerasi kita yang akan datang. Oleh keturunan yang akan datang, segala kesalahan yang kita laporkan hari kita mempunyai dosa bersama pada masa yang akan datang. Dengan sebab itu jikalau kita mahu negara kita negara yang aman dan mewah, hidup dalam lumayan dan harmoni, kita mesti-lah menyamakan keadaan yang saya katakan tadi. Kapada sahabat² saya orang² bukan Melayu, jangan-lah tuan² shak bahawa dengan lulus Akta ini, atau lulus-nya pindaan ini kami orang Melayu akan merangkap tuan², tidak. Tidak ada satu ra'ayat yang boleh merangkap satu ra'ayat, tetapi pertimbangan yang adil harus boleh mengatasi pemikiran sa-chara itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita gagal meluluskan Rang Undang² ini, Rang Undang² ini suatu Rang Undang² yang menjamin survival masa depan bangsa dan negara, kita akan di-kutuk habis² oleh jenerasi² yang akan datang sebab kita telah gagal dalam tugas kita, tugas untuk menemukan atoran hidup yang boleh menjamin perpaduan di-antara berbilang kaum dan keharmonian bernegara. Kalau kita berhasil anak chuchu chichit akan datang bukan sahaja akan berterima kaseh, tetapi akan memerhati betapa bijak-nya nenek moyang kami yang dahulu².

Tuan Yang di-Pertua, tugas kita sekarang ini ada-lah sesuai dengan konsep hukum alam bahawa satu angkatan yang akan ber-

usaha dan menyediakan sa-suatu untuk kebaikan angkatan yang akan datang dan berikut-nya demikian-lah sifat tugas kita terhadap meluluskan Rang Undang² ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, negara asing baik kecil, atau besar sedang memusatkan juga perhatian-nya mereka dengan kacha mata yang berlainan. Negara² kecil yang baharu merdeka yang juga menghadapi masalah politik, social dan ekonomi akibat kepinchangan yang di-timbulkan oleh pretek² demokrasi moral ala-barat mengikut dari sudut yang khas dan positive. Chara² kita bersepakat merumuskan kaedah hidup bernegara sa-hingga dapat menjamin terlaksana-nya keharmonian bernegara, lebeh² lagi sifat bentok dan susunan masyarakat kita berbilang keturunan agama dan kebudayaan ada-lah satu konsep yang boleh menjadi saham negara kita untuk kemajuan negara² kecil yang lain dalam dunia ini. Jadi, sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan apa yang kita buat ini jikalau kita boleh menjamin perpaduan kaum di-antara orang yang bukan Melayu dengan Melayu, kita boleh menjamin survival negara kita bukan sahaja dalam segi ekonomi, segi pelajaran dan sa-bagai-nya, keharmonian kita di-antara orang Melayu dengan orang China, orang China dengan India, India dengan Melayu dan lain² bangsa, ini satu saham kita, saham meninggikan negara kita pada pandangan negeri² lain, lebeh² lagi negeri yang sama membangun dengan negara kita ini. Walau pun chakap saya ini satu chakap zaman bunga'an, tetapi ini perkara yang benar. Apa yang kita lakukan pada masa yang dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kesetebelan politik kita, taraf ekonomi kita, taraf ketegohan negara kita dalam segi pemerintahan, sudah menjadi sebutan pada negara² luar bagaimana keadaan Malaysia di-perintah oleh kita yang di-duduki oleh beberapa keturunan. Jadi, sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Bill ini satu Bill yang sangat mustahak, jadi biar-lah saya pendekkan ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya ada peluang saya boleh berchakap besok pagi, tetapi saya bukan datang kerana hendak membuat gambar dua kali dalam T.V., tetapi saya berchakap dengan hati yang ikhlas akan saya tamatkan ucapan saya ini pada pukul 8.00 tepat, dan saya tidak mengambil kesempatan menyambong besok pagi. Saya berharap-lah kapada sahabat² saya dalam Dewan ini yang walau pun kita nampak gambaran-nya, tetapi

sa-bahagian besar akan menyokong kita dan berterima mereka akan menyokong pindaan ini dan kita berharap sa-bagai suatu kebulatan kita, walau pun saya tidak berpehak memaksa saudara² saya Ahli² Yang Berhormat dari Pembangkang tetapi kita mesti menunjukkan satu kejujuran bahawa sokongan yang bulat dari mana pihak akan menunjokkan kepada dunia bagaimana perpaduan kita menjaga keselamatan negara, ra'ayat dan keturunan kita pada masa akan datang. Ini-lah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya tidak boleh memberi jaminan apa yang di-minta oleh

wakil Tanjong, sebab saya bukan sa-orang menteri atau pihak boleh menjawab jaminan-nya, tetapi boleh-lah saya mengakukan bahawa kita akan bersama lagi dalam Dewan ini dan kita akan boleh membetulkan perkara² yang silap kalau berlaku. Terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tangguhkan pada pukul 8.00 malam.